

BULETIN الرِّبَاطُ
AL-RIBAT
اَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابطُوا

Malaysia

Bilangan: 8 . Julai - Disember 2017 M / Zulkaedah-Rabiul akhir 1439 H

MAJLIS PERDANA ULAMA UMARA + NGO ISLAM BERSAMA YAB PERDANA MENTERI DAN PEMBENTANGAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA



LAWATAN KERJA DELEGASI WOAG MALAYSIA
BERSAMA TIMBALAN MENTERI MALAYSIA
KE REPUBLIK ARAB MESIR



INTERNATIONAL CONFERENCE ON THE ROLE OF ISLAMIC UNIVERSITIES AGAINST VIOLENCE AND TERRORISM

"WASATIYYAH AL-AZHAR UNTUK SEMUA"

Al-Azhar al-Sharif, sebuah institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan lebih 1,500 tahun yang lalu, selama ini, ia berjaya memikul amanah dan tanggungjawab memelihara Islam dan menyebarluaskan risalahnya ke seluruh dunia. Al-Azhar sentiasa konsisten dengan pendekatan wasatiyyah dalam menjelaskan kesucian dan keaslian agama yang menjadi asas kepada kemajuan dan ketamadunan. Ia juga berjaya menangkis salah fahaman serta salah tafsiran yang dilakukan dengan sengaja ataupun tanpa sedar, namun tetap memburukkan wajah Islam di pentas global.

Dalam konteks Malaysia, al-Azhar telah menganugerahkan lebih 15,000 orang alumni dari kalangan anak watan Malaysia sejak akhir 1950-an. Generasi awal lepasan al-Azhar sebenarnya adalah abna' al-Azhar yang tulen. Hampir keseluruhan mereka belajar dengan percuma bahkan ramai yang mendapat pembiayaan dari al-Azhar yang menjadi model terulung universiti waqaf di dunia.

Golongan awal inilah yang telah memberi sumbangan yang amat signifikan dalam kemajuan Islam di Malaysia melalui pelbagai sektor, khususnya pendidikan,

politik dan pengurusan hal ehwal Islam. Sebenarnya al-Azhar menjadi qiblat ilmu bagi Malaysia dan dunia Islam ‘amnya. Menurut Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, Presiden WAAG Malaysia pada 1 Mac 2012, merupakan hasrat peribadi serta pengiktirafan dan penghargaan daripada al-Imam al-Akbar, Syeikh al-Azhar as-Sharif, Prof. Dr. Ahmed Mohamed Ahmed el-Tayyeb. Syeikh al-Azhar telah memberi amanah kepada beliau selaku Presiden dengan disokong oleh barisan kepimpinan WAAG Malaysia yang mewakili pelbagai latar belakang. Hakikat bahawa lima dari empat belas orang pimpinan WAAG Malaysia, bukan dari kalangan lepasan Universiti al-Azhar membuktikan bahawa Wasatiyyah al-Azhar adalah untuk semua dan harus menjadi gagasan perjuangan semua golongan ilmuan. Menurut Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti lagi, WAAG Malaysia merupakan salah satu dari tujuh cawangan WAAG peringkat antarabangsa. Kelebihan Malaysia dari segi iklim politik dan socio-ekonomi boleh menjadi pemangkin kepada kepentasan dan keaktifan WAAG cawangan Malaysia.



PENASIHAT

Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti
Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz

KETUA REDAKSI

Dr. Asyraf Isyraqi Jamil

ANGGOTA REDAKSI

Ustaz Mohd Radzi Ismail Albakri
Ustaz Rafat Mohamed Harb Abu Sobha
Ustaz Abdul Rahim Abd Latif

REKA BENTUK

Ustaz Ali @ Dudi Rusadi

PENCETAK

IBEX Printing

PENYERTAAN DALAM MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI SETIAUSAHA POLITIK KEPADA YAB PERDANA MENTERI

Pada 7 Julai 2017M bersamaan 13 Syawal 1438H (Jumaat) pihak WOAG Malaysia yang diwakili oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim dan Y.Bhg. Tn. Hj. Saleh-huddin bin Yaacob, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia telah menghadiri satu Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri oleh Setiausaha Politik Kepada Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Y.Bhg. Dato' Hj. Jailani bin Ngah di rumah beliau. Majlis dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Politik Kepada YAB Perdana Menteri dan dimulakan jam 8.00 malam selepas Solat Maghrib. Delegasi WOAG Malaysia membincangkan serba sedikit tentang pelaksanaan Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar 2017 bersama Y.Bhg. Dato' Hj. Jailani bin Ngah, beramah mesra dan menjamu selera. Pihak delegasi bersurai pulang ke rumah masing-masing pada jam 10.00 malam.



PENYERTAAN DALAM INTERNATIONAL CONFERENCE ON THE ROLE OF ISLAMIC UNIVERSITIES AGAINST VIOLENCE AND TERRORISM

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN) merangkap Presiden WOAG Malaysia telah menyertai International Conference on The Role of Islamic Universities Against Violence and Terrorism atas jemputan dan anjuran daripada Universiti Islam Negeri Sunan Ampel (UINSA) Surabaya. Persidangan berlangsung pada 12 hingga 14 Julai 2017 bersamaan 18 hingga 20 Syawal 1438H (Rabu hingga Jumaat) bertempat di Universiti Islam Negeri Sunan Ampel (UINSA) Surabaya, Jawa Timur, Indonesia. Selain Presiden, Y.Bhg. Tan Sri Prof. Dr Nordin bin Kardi, Rektor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS); Y.Bhg. Prof Dr Abd A'la, Rektor Universitas Islam Negeri Sunan Ampel (UINSA) Surabaya; Y.Bhg. Prof. Dr. Munzir Hitami, Rektor Universiti Islam Negeri (UIN) Sultan Syarif Kasim (SUSKA) Riau, Indonesia turut hadir dalam persidangan ini. Sempena dengan persidangan ini pihak UINSA Surabaya juga telah mengadakan The 5th Meeting of Asian Islamic Universities Association (AIUA). Turut hadir juga tetamu-tetamu kehormat daripada Malaysia, Brunei, Indonesia dan Thailand bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan keganasan dan terorisme dan cara mengatasi isu tersebut melalui pendidikan di universiti-universiti terutamanya di Asia Tenggara.



PERTEMUAN ANTARA PRESIDEN DAN AHLI-AHLI MAJLIS SYURA WOAG MALAYSIA

Y.Bhg. Dato' Yahya bin A. Jalil, Naib Presiden WOAG Malaysia telah menjemput para Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia ke rumah beliau di Seksyen 12, Petaling Jaya, Selangor bagi mengadakan pertemuan antara Presiden dan Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia yang lain pada 14 Julai 2017 bersamaan 20 Syawal 1438H (Jumaat) yang berlangsung pada jam 8.00 malam hingga 10.30 malam. Antara yang hadir pada malam tersebut ialah Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul dan Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Pertemuan ini diadakan bagi membincangkan perka-ra-perkara penting yang berkaitan dengan Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Tahun 2017 yang akan diadakan kelak. Para Ahli Majlis Syura juga dihidangkan makan malam yang dise-diakan khas daripada pihak Y.Bhg. Dato' Yahya bin A. Jalil.



PERTEMUAN WOAG MALAYSIA BERSAMA TUAN YANG TERUTAMA DUTA BESAR REPUBLIK ARAB MESIR DI MALAYSIA

Pada 15 Julai 2017 bersamaan 21 Syawal 1438H (Sabtu) pihak WOAG Malaysia telah mengadakan pertemuan bersama TYT Duta Besar Republik Arab Mesir di Malaysia, H.E Salah Mohi el-Din el-Wassimy bertempat di Kediaman TYT Duta Besar Republik Arab Mesir di Malaysia, Kuala Lumpur. Pertemuan yang bermula pada jam 11.00 pagi itu dihadiri Ahli Majlis Syura antaranya Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Tn Hj. Abdullah Sani bin Hanafi, Penolong Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Hasrat H.E Salah Mohi el-Din el-Wassimy mengadakan pertemuan ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Tahun 2017 yang akan dijalankan kelak. Multaqa tersebut melibatkan WOAG Induk Kaherah Mesir khususnya para pimpinan besar antaranya al-Imam al-Akbar Sheikh Prof. Dr. Ahmed Mohamed al-Tayeb, Sheikh al-Azhar al-Syarif menunjukkan wajar diadakan perbincangan antara 2 hala ini bagi melincinkan segala gerak kerja antara pihak Malaysia dan Republik Arab Mesir.




LAWATAN KERJA DELEGASI WOAG MALAYSIA KE REPUBLIK ARAB MESIR

Sempena Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Tahun 2017 yang akan diadakan di Malaysia kelak, pihak WOAG Malaysia telah menganjurkan satu Lawatan kerja Delegasi WOAG Malaysia ke Republik Arab Mesir pada 16 hingga 19 Julai 2017 bersamaan 22 hingga 25 Syawal 1438H (Ahad hingga Rabu). Lawatan kerja ini diadakan bagi mengadakan pertemuan dengan pelbagai pihak yang terlibat dalam Multaqa tersebut khususnya WOAG Induk Kaherah Mesir dan Kedutaan Besar Malaysia Mesir (KBMK) untuk membincangkan gerak kerja dan kerjasama dalam melicinkan segala urusan dalam dan luar negara. Antara Ahli Majlis Syura yang terlibat dalam delegasi lawatan ini adalah Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Sr. Hj. Abdullah Sani bin Hj. Hanafi, Penolong Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul dan Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Sepanjang lawatan kerja yang dijalankan ini beberapa orang wakil daripada pihak KBMK telah mengiringi dan menemani delegasi iaitu Y.Bhg. Ustaz Abdul Muhammin bin Mahmood, Setiausaha Kedua (Hal Ehwal Agama) KBMK dan Y.Bhg. Tn. Hj. Mohd Baihakhi bin Haji Hassan, Atase Pendidikan Kedah di Republik Arab Mesir. Pelbagai pertemuan dan perbincangan telah dilakukan dalam lawatan kali ini bermula pada 17 hingga 19 Julai 2018. Pada 17 Julai 2018 (Isnin) telah diadakan Mesyuarat Penyelarasan antara Delegasi WOAG Malaysia dan WOAG Induk di Ibu Pejabat WOAG

Induk, Mesyuarat Khas Bersama Penasihat al-Imam al-Akbar Sheikh al-Azhar, H.E 'Abd el-Rahman Mousa dan Yang Amat Arif Muhammad 'Abd el-Salam di Mas-yikhah al-Azhar, Kaherah dan yang diraikan Syeikh Prof. Dr. Abbas Shouman, Wakil al-Azhar al-Sharif.



Manakala 18 Julai 2017 (Selasa) diadakan pula Kunjungan Hormat Delegasi WOAG Malaysia Terhadap Y.Bhg. Tn. Shahabudeen Adam Shah, Kuasa Usaha Sementara KBMK di Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) dan Majlis Penerangan Sambungan Pengajian di Kolej Universiti Insaniah (KUIN) Kuala Ketil, Kedah Darul Aman oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhruddin bin Abdul Mukti, Rektor KUIN merangkap Presiden WOAG Malaysia pada jam 8.45 malam selepas kelas Tadrib al-Rawi sebelum kelas Sharh al-Aqidah al-Wusto di Pusat Pengajian Ruwaq Jawi, Kaherah. Aktiviti diteruskan pada 19 Julai 2017 (Rabu) dengan Kunjungan Hormat Delegasi WOAG Malaysia Terhadap Prof Dr Mohamad Hussein Al-Mahrasawy, Presiden Universiti Al-Azhar di Pejabat Presiden Universiti al-Azhar al-Syarif Kaherah dan Mesyuarat Delegasi WOAG Malaysia Bersama Fadhilah Al-Imam Al-Akbar Prof. Dr Ahmad Mohamed Al-Tayyeb, Sheikh Al-Azhar Al-Syarif Merangkap Penggerusi WOAG Induk di Pejabat WOAG Induk. Beberapa pertemuan dan perbincangan tersebut diselangi dengan penyampaian cenderahati daripada pihak WOAG Malaysia dan KUIN Kedah. Hasil dan keputusan yang disepakati daripada semua aktiviti tersebut dibawa ke pejabat WOAG Malaysia untuk dibentangkan dalam mesyuarat Multaqa akan datang.



JEMPUTAN RANCANGAN INSPIRASIKU IKIM.FM

Radio IKIM.fm yang terkenal dengan slot “INSPIRASIKU” telah menjemput Y.Bhg. Dato' Hj. Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Mantan Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Lembaga Pengarah IKIM dan Naib Presiden II WOAG Malaysia bagi mengisi slot Siaran Langsung dalam rancangan INSPIRASIKU melalui radio IKIMfm. yang diterbitkan oleh DJ Maslina Alias. Pengisian tersebut telah dijalankan pada 18 Julai 2017 bersamaan 24 Syawal 1438H (Selasa) bermula jam 8.20 pagi bertempat di Stesen Radio IKIM.fm, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur

The poster features a dark blue background with a starry night sky pattern. In the top left corner is the IKIM fm logo. In the top right corner is a circular portrait of DJ Maslina Alias wearing a brown hijab. Below her name, "Diberitakan oleh" is written above "DJ MASLINA ALIAS". In the bottom left corner is a large framed portrait of YBhg. Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, a man with glasses and a beard, wearing a black suit and tie. The main title "INSPIRASIKU" is in large white letters, with "bersama—" underneath it. Below that, the guest's name "YBHG. DATO' WAN MOHAMAD DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ" is also in large white letters. Below the guest's name is a descriptive line in smaller white text: "Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) & Ahli Lembaga Pengarah IKIM". At the bottom, the broadcast details are given: "Hari Selasa 18 Julai, jam 8.20 pagi" and "dan Ulangan hari Ahad 23 Julai, jam 11.15 pagi". Social media links for IKIM fm are at the bottom: Facebook (@ikimfm), Twitter (@radioikimfm), and Instagram (@ikimfm). The website "www.ikimfm.my" is also listed.

PENYERTAAN DALAM MAJLIS TAUTAN UKHWAH YAYASAN DAKWAH ISLAMIYAH (YADIM) BERSAMA NGO-NGO ISLAM SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah menganjurkan Majlis Tautan Ukhwah YADIM Bersama NGO-NGO Islam sempena Hari Raya Aidilfitri pada 20 Julai 2017 bersamaan 26 Syawal 1438H (Khamis) di Bilik Latihan YADIM, Tingkat Bawah, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya. Majlis dimulakan pada jam 12.00 tengahari. Mengikut Eksekutif Kanan MAIM, Y.Bhg. Tn. Ahmad Shukri Abdul Majid, majlis itu dianggarkan seramai 100 orang dari kalangan pimpinan NGO-NGO Islam Malaysia yang hadir. Juga dianggarkan 1,000 orang secara keseluruhan hadir dalam majlis yang terdiri daripada ahli-ahli NGO Islam seluruh negara yang bernaung di bawah MAIM. Majlis ini diadakan bagi membolehkan para aktivis NGO Islam berkumpul sempena Hari Raya Aidilfitri dan secara tidak langsung merapatkan ukhuwah sesama mereka. Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Y.B Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Y.Bhg. Dr. Yusri bin Mohamad, Yang DiPertua YADIM serta tetamu dari agensi di sekitar Kompleks Islam Putrajaya. Sebelum majlis ini bermula, turut diadakan adalah sesi perbincangan meja bulat (RTD) NGO Islam bertajuk Menangani Ancaman Terhadap Islam Dan Melayu di ibu pejabat YADIM. RTD berkenaan dipengerusikan oleh Y.Bhg. En. Aminuddin bin Yahaya, Pengerusi Gerakan Pembela Ummah (UMMAH)

manakala

pembentangan dilaksanakan oleh Y.Bhg. En. Kamaruzzaman bin Mohamad, Timbalan Pengurus UMMAH dan Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM). Turut hadir juga wakil daripada pihak WOAG Malaysia antaranya Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Raafat Mohamad Harb Abu Sabha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia dan Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam IBEX Corporation. Dalam majlis tersebut juga diadakan jamuan makan beraneka lauk dan kuih-muih. Majlis berakhir dengan sesi bergambar pada jam 4.00 petang.



MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA MULTAQA ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA TAHUN 2017 KALI PERTAMA

Bersempena Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia Tahun 2017 buat pertama kalinya pihak WOAG Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia Tahun 2017 Kali Pertama pada 21 Julai 2017 bersamaan 27 Syawal 1438H (Jumaat) di Bilik Mesyuarat, Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan bermula jam 3.00 petang. Mesyuarat telah dihadiri seramai 12 orang Ahli Jawatankuasa Multaqa antaranya Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Yahya bin A. Jalil, Naib Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Hj. Muhammad Yamin bin Ismail, Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Tn. Sr. Hj. Abdullah Sani bin Hj. Hanafi, Penolong Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia serta Y.Bhg. Ustaz Abdul Karim bin Zakaria, Penolong Pengarah Bahagian Perhubungan JAKIM dan Y.Bhg. Tn Hj. Halim bin Ismail. Turut hadir juga Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Kerja WOAG Malaysia. Mesyuarat kali pertama yang secara rasminya melantik Ahli

Jawatankuasa Multaqa ini diadakan bagi memberikan penerangan jelas dan membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan penganjuran Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Tahun 2017 serta penyelarasan gerak kerja. Mesyuarat berakhir pada jam 9.00 malam.



MAJLIS RAMAH MESRA DELEGASI WOAG MALAYSIA DAN KUIN BERSAMA PENGARAH PUSAT BAHASA SHEIKH ZAYED AL-AZHAR

Pada 24 Julai 2017 bersamaan 30 Syawal 1438H (Isnin), pihak WOAG Malaysia dengan kerjasama Kolej Universiti Insaniah (KUIN) Kuala Ketil, Kedah telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Delegasi WOAG Malaysia Dan KUIN Bersama Pengarah Pusat Bahasa Sheikh Zayed al-Azhar al-Syarif, Y.Bhg. Dr. Mahmood Abdurahman Farj di Al-Araby Matha'am Palace of Middle Eastern Cuisine, Sungai Petani, Kedah. Majlis yang dimulakan pada jam 9.00 malam ini dibiayai sepenuhnya oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Rektor KUIN merangkap Presiden WOAG Malaysia. Antara yang dijemput khas untuk hadir ke majlis ini ialah Y.Bhg. Dr. Hj. Azhar bin Hj. Ahmad, Pengarah Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); Y.Bhg. Dr. Abdul Ghani bin Mad Din, Dekan Kulliyah Bahasa Arab KUIN; Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Tn. Sr. Hj. Abdullah Sani bin Hj. Hanafi, Penolong Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul dan Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia serta Y.Bhg. Datin Nik Ismah binti Nik Abdul Rahman, isteri Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul. Turut hadir juga Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Raafat Mohamad Harb Abu Sabha, Pembantu Pejabat WOAG Ma-

laysia; para pegawai-pegawai KUIN dan pemandu tetamu kehormat yang lain. Aktiviti yang dijalankan hanya beramah mesra dan menjamu selera bagi merapatkan ukhwah silaturrahim antara satu sama lain. Majlis tersebut berakhir dengan sesi bergambar pada jam 10.30 malam.



PERSIDANGAN MEMPERKASAKAN BAHASA ARAB MERENTASI CABARAN GLOBALISASI 2017

Buat julang kalinya Kolej Universiti Insaniah (KUIN) dengan kerjasama WOAG Malaysia telah menganjurkan satu persidangan mega yang dinamakan Persidangan Pemerkasaan Bahasa Arab Merentasi Cabaran Globalisasi 2017 di KUIN, Kuala Ketil, Kedah Darul Aman pada 25 dan 26 Julai 2017 bersamaan 1 dan 2 Zulkaedah 1438H (Selasa dan Rabu) di Dewan Tuanku Hajjah Haminah dan Kulliyyah Bahasa Arab KUIN. Persidangan dua hari itu bertujuan untuk memperkasakan Bahasa Arab ini sebagai bahasa ilmu, peradaban dan komunikasi dalam kalangan pencinta bahasa tersebut. Persidangan ini juga menghimpunkan pakar Bahasa Arab seluruh dunia untuk mengkaji cabaran dan kelemahan mempelajari Bahasa Arab dalam segenap aspek. Sebanyak 115 kertas kerja merangkumi pelbagai tajuk dan hasil kajian menarik telah dibentangkan pada persidangan itu. Persidangan itu disertai 600 peserta yang terdiri daripada kalangan ahli akademik, guru-guru pakar, pengkaji dan para pelajar dari pelbagai institusi dalam dan luar negara seperti dari Mesir, Qatar, Jordan, Palestin, Maghribi, Algeria, Libya, Turki, Tunisia, Sudan, Nigeria, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE). Pada hari pertama persidangan diadakan Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan Antarabangsa Memperkasakan Bahasa Arab Merentasi Cabaran Globalisasi (ALIC) 2017 diselangi dengan ucapan alu-aluan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Rektor KUIN dan ucapan perasmian oleh Y.Bhg. Dr. Hj. Azhar bin Hj. Ahmad, Pengarah Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia). Seterusnya majlis

diserikan lagi dengan Ucaptama Y.Bhg. Dr. Mahmood Abduh Ahmed Farj, Pengarah Pusat Bahasa Sheikh Zayed, Universiti al-Azhar Mesir yang bertajuk “Ke Arah Pemerkasaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu, Peradaban dan Komunikasi”



dan diakhiri dengan penyampaian cenderahari kepada tetamu kehormat. Sepanjang persidangan berlangsung telah diadakan pembentangan kertas kerja sesi 1, 2 dan 3 di bilik-bilik Kulliyyah Bahasa Arab KUIN. Manakala pada hari terakhir persidangan tersebut diadakan Majlis Perasmian Penutup Persidangan Antarabangsa Memperkasakan Bahasa Arab Merentasi Cabaran Globalisasi (ALIC) 2017 dengan ucapan penggulungan oleh Y.Bhg. Dr. Abdul Ghani bin Mad Din, Dekan Kulliyyah Bahasa Arab KUIN dan ucapan perasmian oleh Wakil Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman iaitu Y.B Azmi Che Husin, Timbalan Speaker Negeri Kedah/A-DUN Bayu dan diakhiri dengan penyampaian hadiah pembentangan kertas kerja terbaik dalam kalangan peserta persidangan dan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat. Antara Ahli Majlis Syura yang hadir dalam persidangan kali ini ialah Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Tn. Sr. Hj. Abdullah Sani bin Hj. Hanafi, Penolong Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul dan Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia serta Y.Bhg. Datin Nik Ismah binti Nik Abdul Rahman, isteri Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul. Pihak WOAG Malaysia mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Persidangan Antarabangsa Memperkasakan Bahasa Arab Merentasi Cabaran Globalisasi (ALIC) 2017 atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ini. Turut hadir juga Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul

Rahim bin Abd Latif, Penolong Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Raafat Mohammad Harb Abu Sabha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia dan pelajar-pelajar dalam dan luar negara KUIN.



PENYERTAAN DALAM FORUM E-DAGANG TREND MASA KINI DAN MASA DEPAN ‘WAY FORWARD’

Pada 1 Ogos 2017 M bersamaan 8 Zulkaedah 1438 H (Selasa), Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia ditemani oleh staf pejabat iaitu Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia telah menyertai satu program yang dianjurkan oleh Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Malaysia dengan kerjasama World Youth Foundation, Majlis Gabungan Belia Melaka dan Yayasan Al-Shabab yang dinamakan Forum E-Dagang : Trend Masa Kini dan Masa Depan ‘Way Forward’ bertempat di Gadek Ballroom, Aras Bawah, Hotel MTC, Ayer Keroh, Melaka. Seawal forum setiap peserta dikehendaki untuk mendaftarkan diri di kaunter pendaftaran bermula pada jam 8.30 pagi. Forum dimulakan dengan ucapan aluan Pengerusi Lembaga Pengarah DMDI (Malaysia), Y.Bhg. Tan Sri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam dan ucapan perasmian Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi, Y.B Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah. Seterusnya berehat seketika dengan minum pagi selepas penyampaian cenderahati kepada perasmian program tersebut. Forum diteruskan dengan slot forum yang di barisi oleh 2 orang panel iaitu Y.Bhg. Datuk Lim Sue Beng, CEO of Goodwill Nation Sdn. Bhd. – DHT Joint Venture dan Y.Bhg. Mr. Satya Moorthy, Economic Adviser to National High Tech Zone in China serta seorang moderator Y.Bhg. Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan Suhaibuddeen, Ketua Unit Perkhidmatan Digital Kerajaan,

Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang berlangsung daripada jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Program diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sijil kepada semua peserta program serta makan tengahari pada jam 1.00 petang.



PENYERTAAN DALAM MAJLIS PERDANA ULAMA UMARA + NGO ISLAM BERSAMA YAB PERDANA MENTERI DAN PEMBENTANGAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), UMUM Malaysia dan Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) telah mengadakan dengan jayanya Majlis Perdana Ulama Umara + NGO Islam Bersama YAB Perdana Menteri Dan Pembentangan Indeks Syariah Malaysia pada 3 Ogos 2017 M bersamaan 10 Zulkaedah 1438 H (Khamis) di Dewan Putra B, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya yang berlangsung bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan pengerusi majlis dan ucapan perasmian Majlis Perdana Ulama Umara oleh Y.B Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Majlis ditangguhkan seketika untuk minum pagi dan diteruskan pada jam 10.00 pagi dengan Ucapan Aluan serta Pembentangan Indeks Syariah Malaysia oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengahari pada jam 11.00 pagi. Tetamu kehormat lain yang hadir ke majlis ini antaranya Y.A.B Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia; Y.B Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Hj, Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Y.Bhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara; Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM; Y.Bhg. Dato' Hj. Jailani bin Ngah, Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri Malaysia; Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria, Mufti Negeri

Perak Darul Ridzuan dan Y.Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, Mantan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Manakala Ahli Majlis Syura yang hadir ke majlis ini ialah Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Y.Bhg. Dato' Ismail bin Noor, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Peserta daripada Wakil-wakil agensi kerajaan, badan berkanun, universiti tempatan dan swasta serta NGO Islam seluruh negara juga hadir menyertai dan menyerikan lagi majlis. Turut hadir juga Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia



PENYERTAAN DALAM MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENASIHAT INSTITUT WASATIYYAH MALAYSIA (IWM) 2017 KALI KE-1

Pada 3 Ogos 2017 M bersamaan 10 Zulkaedah 1438 H (Khamis), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia telah menghadiri Mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) 2017 Kali Pertama bertempat di Bilik Konferens, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya yang dianjurkan oleh Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM). Mesyuarat dimulakan seawall jam 11.00 pagi dan dihadiri seramai 13 orang ahli mesyuarat antaranya Y.Bhg. Tan Sri Dr. Abdullah bin Md Zin, Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi IWM; Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Yusof bin Din, Pengarah IWM; Y.Bhg. Prof Emeritus Dato Paduka Dr Mahmood Zuhdi bin Hj Ab Majid, Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN); Y.Bhg. Prof Datuk Dr Mizan bin Hitam, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Y.Bhg. Prof Dato Dr Musa bin Ahmad, Naib Canselor Keempat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Y.Bhg. Prof Dato Dr Mohd Yusof bin Hj. Othman, Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Y.Bhg. Prof Dato Dr Muhammad Muda, Naib Canselor Kedua Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Y.Bhg. Datuk Hj Mohd Arifin bin Hj. Mohd Arif, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Negeri Sabah; Y.Bhg. Datuk Akhmar Hisham bin Mohd Yusof @ Mukhles; Y.Bhg. Dato Hj Shahlan bin Ismail, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik Pejabat YAB Perdana Menteri; Y.Bhg. Prof Dr Wan Kamal bin Mujani, Dekan Fakulti

Pengajian Islam UKM dan Y.Bhg. Prof Madya Dr Shamrahayu binti Abd Aziz, Profesor Madya di Kuliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM. Mesyuarat dimulakan dengan perutusan pengerusi oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Abdullah bin Md Zin dan seterusnya pengesahan minit mesyuarat ahli lembaga penasihat IWM. Selepas itu mesyuarat diteruskan dengan pembentangan status perkembangan Dasar Wasatiyyah Negara (DWN) dan pembentangan laporan aktiviti dan penerbitan IWM oleh Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Yusof bin Din, Pengarah IWM. Mesyuarat diakhiri dengan sesi penyampaian surat perlantikan ahli lembaga penasihat IWM yang ditandatangani khas oleh YAB Perdana Menteri pada jam 1.00 petang



ZIARAH MAHABBAH WAKIL ISLAMIC OUTREACH ABIM KE PEJABAT WOAG MALAYSIA

Pejabat WOAG Malaysia yang terletak di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada kali ini telah menerima tetamu daripada Islamic Outreach Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada 3 Ogos 2017 M bersamaan 10 Zulkaedah 1438 H (Khamis) iaitu Y.Bhg. Tn. Haroon Ali Gindo, seorang Guru Islamic Outreach Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Tetamu yang hadir, Y.Bhg. Tn. Haroon Ali Gindo disambut baik oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia serta staf pejabat antaranya Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam IBEX Corporation. Kemudian beliau duduk berbincang bersama Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti dan Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz. Perbincangan diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada beliau. Beliau hadir pada jam 4.00 petang hingga 6.00 petang.



PENYERTAAN DALAM HALAQAH BICARA WASATIYYAH 2017 BERTAJUK HAK ASASI BARAT : AGENDA DAN HIPOKRASINYA

Pada 11 Ogos 2017 M bersamaan 18 Zulkaedah 1438 H (Jumaat), Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) telah menganjurkan program Halaqah Bicara Wasatiyyah 2017 Bertajuk Hak Asasi Barat : Agenda Dan Hipokrasinya. Program berlangsung tepat jam 10.00 pagi bertempat di Dewan 1, Level C, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. Program telah dihadiri oleh lebih 40 orang jemputan khas dari IWM yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta, NGO dan media dan dimulakan dengan Ucapan Moderator dari Y.Bhg. Dato Haji Mohd Yusof bin Din, Pengarah IWM yang seterusnya menjemput Y.Bhg. Tan Sri Dr Abdullah bin Md Zin, Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri untuk menyampaikan Ucapan Aluan. Kemudian, Sesi Pembentangan oleh Y.Bhg. Dr Murni Wan Mohd Nor, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dimulakan dan diakhiri dengan Sesi Perbincangan dengan ahli Halaqah. Daripada Halaqah Bicara Wasatiyyah ini, dapat disimpulkan hak asasi manusia yang didukung dan dipraktikkan oleh negara-negara Barat kadang-kala memperlihatkan elemen-elemen hipokrasi kerana prinsip hak asasi tidak ditegakkan secara konsisten. Kita perlu bertanggungjawab dalam memperjuangkan hak asasi manusia dan melaksanakannya dengan ikhlas dan ihsan dan perlu kembali semula kepada fitrah manusia yang sentiasa memerlukan Tuhan dan mementingkan nilai-nilai keagamaan. Apabila kita mencerminkan sifat-sifat positif yang dianjurkan dalam ag-

ama-agama utama dunia, hak asasi manusia akan dilaksanakan dengan bertanggungjawab, wasatiyyah (kesederhanaan, keseimbangan, keadilan, kecemerlangan) serta membawa kepada kebahagiaan yang berkekalan. Antara yang hadir dalam halaqah ini adalah Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Yusri bin Mohamad, Yang DiPertua Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM); Y.Bhg. Dato' Zainul Rijal bin Abu Bakar, Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor, Profesor Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia (APIUM) merangkap Setiausaha Agung Persatuan Ulama' Malaysia (PUM).



MESYUARAT JAWATAN KUASA INDUK MULTAQA ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA TAHUN 2017 KALI PERTAMA

Pada bulan lepas pihak WOAG Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pelaksana Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia 2017 buat kali pertama. Maka pada tarikh 24 Ogos 2017 M bersamaan 2 Zulhijjah 1438 H (Khamis), WOAG Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia 2017 buat kali pertama yang melibatkan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan Malaysia. Mesyuarat telah bermula pada jam 3.00 petang di Bilik Mesyuarat, Aras 8, Blok A, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kompleks Islam Putrajaya, Putrajaya. Ahli mesyuarat yang hadir seramai 20 orang ini antaranya Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM; Y.Bhg. Dato' Hj. Jailani bin Ngah, Setiausaha Politik Kepada YAB Perdana Menteri; Y.Bhg. Dato' Hj. Paimuzi bin Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); Y.Bhg. Datuk Hj. Zainal Abidin bin Jaffar, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM; Y.Bhg. Tn. Nik Mohd Ridzuan bin Nik Yaacob, Pengarah Bahagian Perhubungan JAKIM; Y.Bhg. Datuk Zainal Abidin bin Ab. Kadir, Ahli Majlis Kebangsaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM); Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. PjR Zubir Bin Mustaffa, Pengarah Bahagian Pembangu-

nan Pasukan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA); Y.Bhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan, Seksyen Syariah JAKIM merangkap Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. En. Saifulizan bin Sidek, Pengurus Pemasaran TV Al-Hijrah; Y.Bhg. Tn. Hj. Shushilil Azam bin Shuib, Pegawai Research And Development, Institut Pendidikan Guru Malaysi (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); Y.Bhg. Pn. Anaresa binti Muhammad Dain, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia; Y.Bhg. Pn. Maisarah binti Ariffin, Penolong Setiausaha Bahagian Afrika, Kementerian Luar Negeri (KLN) Malaysia; Y.Bhg. Dato' Yahya bin A. Jalil, Naib Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Sr. Hj. Abdullah Sani bin Hj. Hanafi, Penolong Bendaharai WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi membincangkan tentang penganjuran Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar 2017 akan datang. Mesyuarat berakhir pada jam 5.30 petang.

MESYUARAT AHLI MAJLIS SYURA WOAG MALAYSIA BIL. 4/2017

Pada 25 Ogos 2017 M bersamaan 3 Zulhijjah 1438 H (Jumaat), WOAG Malaysia sekali lagi menjalankan mesyuarat iaitu Mesyuarat Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia Bil. 4/2017 yang dimulakan pada jam 3.00 petang dan berakhir pada jam 1.00 pagi di Bilik Mesyuarat, Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Mesyuarat ini dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamad Akram bin Laldin, Timbalan Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Yahya bin A. Jalil, Naib Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Sr. Hj. Abdullah Sani bin Hj. Hanafi, Penolong Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Turut hadir juga Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia sebagai pencatat minit mesyuarat, juga Ustaz Raafat Mohammad Harb Abu Sabha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia dan Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam IBEX Corporation sebagai pembantu pejabat. Ahli Majlis Syura bermesyuarat mengikut agenda yang ditetapkan iaitu pengesahan Minit Mesyuarat Bil.

3/2017, membincangkan perkara-perkara berbangkit daripada minit mesyuarat tersebut, pembentangan laporan kewangan daripada Bendahari WOAG Malaysia, pembentangan laporan aktiviti WOAG Malaysia bagi bulan Jun oleh Setiausaha, perbincangan kertas kerja Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Tahun 2017 dan hal-hal lain.



MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA MULTAQA SEDUNIA ALUMNI AL-AZHAR 2017 KALI KE-2

Pada 6 September 2017 M bersamaan 15 Zulhijjah 1438 H (Rabu) WOAG Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 Kali Ke-2 bertempat di Bilik Mesyuarat, Aras 8, Blok A, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kompleks Islam Putrajaya, Putrajaya bermula jam 2.30 petang dan berakhir pada jam 5.45 petang. Pihak WOAG Malaysia dalam mesyuarat ini diwakili oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Prof. Dr. Mohammad Akram bin Laldin, Timbalan Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Yahya bin A. Jalil, Naib Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Hj. Muhammad Yamin bin Ismail, Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Sr. Hj. Abdullah Sani bin Hj. Hanafi, Penolong Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim, Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Manakala pihak agensi dan jabatan lain yang terlibat dengan Multaqa ini dihadiri oleh wakil-wakil daripada JAKIM, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Wisma Putra Kementerian

Luar Negeri (KLN), TV Al-Hijrah, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia (BPI KPM), Jabatan Standard Malaysia Kuala Lumpur (JSM WPKL), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, Radio IKIM.fm dan Ahli Jawatankuasa Pelaksana Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017. Turut hadir juga Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan En. Ahmad Irfan bin Mohd Fakhrudin, Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017. Mesyuarat iini diadakan bagi membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaan Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 dan pembentangan tugas oleh setiap Ahli Jawatankuasa Multaqa. Kemudian memperincikan skop tugas setiap biro yang ada dan menyelesaikan masalah yang berlaku dalam gerak kerja yang dilakukan.



PERTEMUAN DELEGASI WOAG MALAYSIA BERSAMA TYT DUTA BESAR REPUBLIK ARAB MESIR DI MALAYSIA

Delegasi WOAG Malaysia sekali lagi menjalankan pertemuan bersama TYT Duta Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia, H.E Salah Mohi el-Din el-Wassimy pada 8 September 2017 M bersamaan 17 Zulhijjah 1438 H (Jumaat) bertempat di Pejabat TYT Duta Besar Republik Arab Mesir Di Malaysia, Kedutaan Besar Mesir, Jalan Ampang Hilir, Kuala Lumpur. Pertemuan telah berlangsung pada 11.00 pagi dengan kehadiran delegasi WOAG Malaysia yang diwakili oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Tujuan pertemuan ini diadakan adalah untuk membincangkan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan Multaqa Antarabangsa Alumni al-Azhar Tahun 2017 yang akan dijalankan kelak.



PERTEMUAN DELEGASI WOAG MALAYSIA BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI MALAYSIA

Pada 15 September 2017 M bersamaan 24 Zulhijjah 1438 H (Jumaat), delegasi WOAG Malaysia sekali lagi mengadakan pertemuan dan perbincangan. Namun pada kali ini pertemuan dijalankan bersama YB Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican, Timbalan Menteri Luar Negeri di Pejabat Timbalan Menteri Luar Negeri, Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra, Presint 2, Putrajaya. Pertemuan ini berlangsung pada jam 12.00 tengah hari. Antara wakil WOAG Malaysia yang hadir ialah Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia. Pertemuan diadakan bagi membincangkan hal-hal penting yang berkaitan dengan Lawatan Kerja Delegasi WOAG Malaysia Bersama Timbalan Menteri Luar Negeri ke Republik Arab Mesir yang akan dijalankan kelak.



MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA MULTAQA SEDUNIA ALUMNI AL-AZHAR 2017 KALI KE-3

WOAG Malaysia pada kali ini telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 Kali Ke-3 pada 15 September 2017 M bersamaan 24 Zulhijjah 1438 H (Jumaat) di Bilik Mesyuarat, Aras 2, IBEX Corporation Amalgamated Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Mesyuarat telah dimulakan pada jam 8.00 malam sehingga 1.30 pagi. Ahli mesyuarat yang hadir antaranya Y.Bhg. En. Nik Mohd Ridzuan bin Nik Yaacob, Pengarah Bahagian Perhubungan JAKIM; Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Ustaz Abdul Karim bin Zakaria, Penolong Pengarah Bahagian Perhubungan JAKIM; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Hj. Muhammad Yamin bin Ismail, Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim, Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat, Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Y.Bhg. Ustaz Abdullah bin Mat, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Tn. Hj. Shushilil Azam bin Shuib, Pegawai Research And Development, Institut Pendidikan Guru Malaysi (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mustaffa bin Abdullah, Profesor Madya Jabatan Al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dan Y.Bhg. Dr. Muhammad Hafiz bin Jamaludin, Pensyarah Jabatan Syariah

Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Turut hadir juga dalam mesyuarat kali ini ialah wakil-wakil daripada JAKIM, Staf Pejabat WOAG Malaysia, Ahli Jawatankuasa dan Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017. Mesyuarat diadakan bagi membincangkan tentang perihal Multaqa yang akan dijalankan.



LAWATAN KERJA DELEGASI WOAG MALAYSIA BERSAMA TIMBALAN MENTERI MALAYSIA KE REPUBLIK ARAB MESIR

Hasil daripada pertemuan WOAG Malaysia bersama Y.B Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican, Timbalan Menteri Luar Negeri yang lepad maka telah diadakan satu Lawatan Kerja Delegasi WOAG Malaysia Bersama Timbalan Menteri Luar Negeri ke Republik Arab Mesir pada 18 hingga 21 September 2017 M bersamaan 27 hingga 30 Muhamarram 1439 H (Isnin hingga Khamis) yang di bayai sepenuhnya oleh pihak WOAG Malaysia. Delegasi WOAG Malaysia dan Timbalan Menteri Luar Negeri telah dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Yahya bin A. Jalil, Naib Presiden I WOAG Malaysia; Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Datin Seri Ismalina binti Ismail, Isteri Timbalan Menteri Luar Negeri dan Y.Bhg. Datin Mahmudah binti Mohd Ali, Isteri Naib Presiden I WOAG Malaysia. Sepanjang lawatan kerja tersebut terdapat 2 orang pegawai yang menemani dan mengiringi delegasi iaitu Y.Bhg. Ustaz Abdul Muhaimin bin Mahmood, Setiausaha Kedua (Hal Ehwal Agama) Kedutaan Malaysia di Mesir dan Pegawai Pengiring Timbalan Menteri Luar Negeri Malaysia. Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang 3 hari berada di Republik Arab Mesir antaranya Pertemuan Khas Timbalan Menteri Luar Negeri dengan Fadhilah Syeikh Prof. Dr. Abbas Shouman, Timbalan Syeikh al-Azhar al-Sharif, Lawatan Timbalan Menteri Luar Negeri bersama Delegasi WOAG Malaysia ke bilik

galeri simpanan barang Athar Rasulullah SAW dan Mesyuarat delegasi WOAG Malaysia bersama WOAG Induk Kaherah Mesir bagi membincangkan tentang pelaksanaan Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 di Malaysia.



PENYERTAAN DALAM MESYUARAT HIGH LEVEL COMMITTEE (HLC) MENGENAI TASK FORCE SEKOLAH-SEKOLAH TAHFIZ

Pada 19 September 2017 M bersamaan 28 Zulhijjah 1438 H (Selasa) pihak Presiden WOAG Malaysia telah dijemput hadir ke Mesyuarat High Level Committee (HLC) Mengenai Task Force Sekolah-Sekolah Tahfiz bertempat di Dewan Persidangan ICU, Aras 1, Blok Timur, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Putrajaya dan dianjurkan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat dan para Menteri Malaysia serta pimpinan tertinggi daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berjumlah seramai 60 orang ahli mesyuarat. Antaranya Y.A.B Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia; Y.B Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Y.B Mejaz Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Y.B Dato' Sri Hajah Rohani binti Hj. Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Y.B Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan; Y.B Dato' Seri Hj. Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi; Y.B Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia; Y.B Tan Sri Noh bin Hj. Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Presiden WOAG Malaysia telah diwakili oleh Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia kerana beiau tidak dapat hadir atas urusan lain. Mesyuarat telah dihadiri Timbalan Perdana Menteri Malaysia sebagai Pengerusi.

Mesyuarat juga

diadakan bagi menangani permasalahan di sekolah-sekolah tahfiz di seluruh negara. Mesyuarat ini akan diadakan secara berkala bagi mengelakkan kejadian tidak diingini di sekolah tahfiz berulang lagi. Mesyuarat yang dimulakan pada jam 11.30 pagi ini berakhir pada jam 2.00 petang.



MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA MULTAQA SEDUNIA ALUMNI AL-AZHAR 2017 BERSAMA PIHAK HOTEL SERI PACIFIC DAN PWTC

WOAG Malaysia dengan kerjasama Hotel Seri Pacific dan PWTC telah mengadakan satu mesyuarat bersama iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 Bersama Pihak Hotel Seri Pacific Dan PWTC pada 21 September 2017 M bersamaan 30 Zulhijjah 1438 H (Khamis) bertempat di Bilik Tioman, Aras 3, Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur. Mesyuarat telah bermula pada jam 3.00 petang. WOAG Malaysia diwakili oleh Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Manakala ahli mesyuarat yang lain turut hadir juga Y.Bhg. Dr. Muhammad Hafiz bin Jamaludin, Pensyarah Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM); Y.Bhg. Tn. Hj. Halim bin Ismail, Ahli Jawatankuasa Pelaksana Multaqa; Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Ahmad Hafizuddin bin Othman, Ketua Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017; wakil-wakil PWTC, Hotel Seri Pacific, Ahli Jawatankuasa dan Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017. Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz sebagai Naib Presiden II WOAG Malaysia telah mempergerusikan mesyuarat pada kali ini. Mesyuarat telah dihadiri oleh Ket-

ua-Ketua Biro dan Sekretariat Multaqa yang bekerjasama dengan pihak Hotel Seri Pacific dan PWTC bagi melancarkan program yang akan dijalankan. Agenda yang diketengahkan antaranya adalah hal-hal yang berkaitan dengan pendaftaran dan penginapan peserta, keselamatan keberadaan VVIP di kedua-dua tempat, memastikan dewan dan P.A system keseluruhannya berfungsi dengan baik serta jamuan makan peserta dan VVIP. Mesyuarat telah berakhir pada jam 6.30 petang.



MESYUARAT KHAS AHLI MAJLIS SYURA WOAG MALAYSIA

Pada 23 September 2017 M bersamaan 2 Muharram 1439 H (Sabtu) WOAG Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Khas Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia di Bilik Mesyuarat, Pejabat Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Mesyuarat yang dimulakan pada 10.00 pagi telah dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Yahya bin A. Jalil, Naib Presiden I WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Hj. Muhammad Yamin bin Ismail, Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim, Y.Bhg. Tn. Hj. Salehuddin bin Yaacob dan Y.Bhg. Ustaz Abdullah bin Mat sebagai Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Turut hadir juga Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Raafat Mohamad Harb Abu Sabha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia dan Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam IBEX Corporation. Mesyuarat khas ini diadakan bagi membincangkan perkara-perkara penting yang dikumpulkan hasil daripada lawatan kerja delegasi WOAG Malaysia ke

Republik Arab Mesir baru-baru ini. Mesyuarat berakhir pada jam 5.30 petang.



MESYUARAT BIRO PENYELARASAN DALAM NEGARA DAN KESELAMATAN MULTAQA SEDUNIA ALUMNI AL-AZHAR 2017

Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia merangkap Ketua Biro Penyelarasan Dalam Negara Dan Keselamatan telah mengambil inisiatif untuk mengadakan satu mesyuarat iaitu Mesyuarat Biro Penyelarasan Dalam Negara Dan Keselamatan Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 pada 27 September 2017 M bersamaan 6 Muharram 1439 H (Rabu) bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Mesyuarat telah bermula pada jam 10.30 pagi hingga 1.00 petang. Ahli mesyuarat lain yang hadir antaranya Y.Bhg. En. Mohd Hadzal bin Hassim, Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017; Y.Bhg. Dato' Ibrahim bin Abdullah, Y.Bhg. Dato' Ishak bin Mat, Y.Bhg. Dato' Samsul bin Khamis @ Salleh, Y.Bhg. Lt. Kolonel Hj. Mohamad Sobri bin Md Jaeh, Y.Bhg. Hj. Shohimi bin Hj. Shafie, wakil-wakil Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Ahli Jawatankuasa dan Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017. Antara isu yang berbangkit dalam mesyuarat ialah isu tentang proses pengurusan passport, bagasi dan keselamatan delegasi Sheikh al-Azhar di Lapangan Antarabangsa Subang, Hotel Seri Pacific dan PWTC.



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK MULTAQA SEDUNIA ALUMNI AL-AZHAR 2017 KALI KE-2

Pada 28 September 2017 M bersamaan 7 Muharram 1439 H (Khamis) WOAG Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 Kali Ke-2 di Bilik Mesyuarat, Aras 8, Blok A, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kompleks Islam Putrajaya, Putrajaya yang bermula pada jam 2.30 petang. Mesyuarat pada kali ini telah dihadiri oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM; Y.Bhg. En. Nik Mohd Ridzuan bin Nik Yaacob, Pengarah Bahagian Perhubungan JAKIM; Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob sebagai Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Turut hadir juga dalam mesyuarat ini ialah Y.Bhg. Ustaz Abada Tawfik al-Bahnasy, Pegawai Khas Pejabat Perdana Menteri; Y.Bhg. Ustaz Abdul Karim bin Zakaria, Penolong Pengarah Bahagian Perhubungan JAKIM; Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mustaffa bin Abdullah, Profesor Madya Jabatan Al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM); Y.Bhg. Tn. Hj. Shushilil Azam bin Shuib, Pegawai Research And Development, Institut

Pendidikan Guru Malaysi (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Ahmad Hafizuddin bin Othman, Ketua Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017; wakil-wakil daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), JAKIM, Bernama Media, Ahli Jawatankuasa dan Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017. Ahli mesyuarat telah membincangkan perkembangan terkini gerak kerja mengikut senarai semak tugas Ahli Jawatankuasa yang diberikan dan isu penangguhan Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 serta hal-hal yang berbangkit dalam tugas-tugas yang perlu diselesaikan selepas penangguhan Multaqa ke satu masa akan dating. Mesyuarat selesai dan bersurai pada jam 1.00 pagi.



PENYERTAAN DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN PERSATUAN ULAMA' MALAYSIA (PUM) KALI KE-38

Y.Bhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Yang Dipertua PUM merangkap Naib Presiden II WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Ahli Jawatankuasa Pusat PUM merangkap Penolong Setiausaha WOAG Malaysia telah terlibat dalam satu mesyuarat yang dianjurkan oleh Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) iaitu Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) pada 29 September 2017 M bersamaan 8 Muharram 1439 H (Jumaat) bertempat di Dewan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor Darul Ehsan. Ahli mesyuarat yang lain antaranya ialah Y.Bhg. Dato' Sheikh Hj. Abdul Halim bin Abd Kadir, Yang DiPertua PUM; Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Fauzi bin Deraman, Naib Yang Dipertua I PUM; Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Abdul Karim bin Ali, Naib Yang Dipertua II PUM; Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor, Setiausaha Agung PUM; Y.Bhg. Ustaz Rumaizi bin Ahmad, Penolong Setiausaha Agung PUM; Y.Bhg. Haji. Baharom bin Kassim, Bendahari Agung PUM dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat PUM. Antara agenda mesyuarat yang dibincangkan adalah ucapan aluan Yang DiPertua PUM, pengesahan Minit Mesyuarat Agung yang lepas, pembentangan laporan aktiviti dan kewangan PUM serta perbincangan hal-hal lain. Pihak WOAG Malaysia mengucapkan tahniah kepada Y.Bhg. Dato' Sheikh Hj. Abdul Halim bin Abd Kadir kerana telah dilantik semula sebagai Yang DiPertua PUM bagi sesi baru 2017-2019.



JEMPUTAN SEMINAR 6 DEKAD KEMERDEKAAN RETROSPEKSI ISLAMI MENUJU KE HADAPAN

Pada 30 September 2017 M bersamaan 9 Muharram 1439 H (Sabtu), Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) dan Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) telah berjaya menganjurkan 1 seminar berprestij yang dinamakan Seminar 6 Dekad Kemerdekaan : Retrospeksi Islami Menuju Ke Hadapan. Seminar berlangsung di Auditorium Al-Syafie, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jalan Maktab, Seksyen 12, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan dan bermula jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

Seminar ini dimulakan dengan penyampaian Ucaptama Yang Dipertua PUM, Y.Bhg. Dato' Sheikh Hj. Abdul Halim bin Abd Kadir bertajuk "6 Dekad Kemerdekaan Muhasabah Menuju Kehadapan" dan diteruskan dengan sesi pembentangan kertas kerja yang bertajuk Wasatiyyah Dalam Pelaksanaan Maqasid Syariah Di Malaysia; Pelaksanaan Indeks Maqasid Syariah Sepanjang Kemerdekaan: Satu Analisa; Aplikasi Wasatiyah Dalam Kegiatan Ekonomi: Preview Selepas 6 Dekad Kemerdekaan; Naratif Pemikiran Islam Nusantara Sebelum dan Selepas Pasca Kemerdekaan; Politik Islam Meniti 6 Dekad Dasawarsa Kemerdekaan Malaysia; Menangani Keganasan Pasca 60 Kemerdekaan; Harmonisasi Undang-undang Sivil dan Syariah Selepas Merdeka: Satu Penilaian; Wanita dan Isu-isu Kekeluaragaan; Dasar Pendidikan Islam di Malaysia : Satu Penilaian; Institusi Keagamanan di Malaysia Selepas Ke-

merdekaan: Isu dan Cabaran; Wakaf di Malaysia Dalam Selepas Dekad Kemerdekaan; Dakwah Selepas Merdeka : Penilaian dan Isu Palestin, Sumbangan NGO Islam di Malaysia. Tajuk-tajuk ini telah dibahagikan kepada 3 sub-tema iaitu pertama "Pemikiran Dalam Politik : Di Malaysia"; yang kedua "Pendidikan, Undang-Undang Dan Keluarga" dan yang ketiga "Institut Keagamaan Dan NGOi Di Malaysia".



Kehadiran peserta seminar amat memberangsangkan dan antara peserta tersebut ialah Y.Bhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Yang Dipertua PUM merangkak Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr Fauzi bin Deraman, Naib Yang Dipertua I PUM, Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Ahli Jawatankuasa Pusat PUM merangkak Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Yusof bin Din, Pengarah Institut Wasatiyah Malaysia (IWM); Y.Bhg. Pn. Nor Safina binti Zainal, Ketua Unit Indeks Syariah Malaysia JAKIM; Y.Bhg. Ustaz Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon, Naib Yang Dipertua PBMITT; Y.Bhg. Dr Amran bin Muhammad, Pengurus Institut Kajian Islam Dan Strategik (ISSI); Y.Bhg. Dr Mohd Zaidi bin Abd Rahman, Ketua Jabatan Siasah Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM); Y.Bhg. Dr Mohd Mizan bin Mohamad Aslam, Rektor Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs); Y.Bhg. Prof. Madya Dr Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) Malaysia; Y.Bhg. Prof. Madya Dr Mek Wok Mahmud, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Y.Bhg. Dr Luqman bin Abdullah, Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM); Y.Bhg. Prof. Madya Dr Mohd Roslan bin Mohd Nor, Timbalan Pengarah, Penyelidikan dan Pembangunan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) dan peserta-peserta seminar lain yang berdaftar.



PENYERTAAN DALAM MAJLIS APRESIASI DAKWAH DAN MAKAN MALAM PERDANA PERSATUAN ULAMA' MALAYSIA (PUM)

Lanjutan daripada Seminar 6 Dekad Kemerdekaan, pihak Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) dengan sokongan Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) telah mengadakan Majlis Apresiasi Dakwah Dan Makan Malam Perdana Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) pada tarikh yang sama iaitu 30 September 2017 M bersamaan 9 Muharram 1439 H (Sabtu) tetapi dijalankan pada sebelah malam iaitu jam 8.00 malam hingga 10.30 malam bertempat di Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan. Majlis ini menjalankan acara Pelancaran Buku "Coffee Table Book (1972-2017)" dan "Impak-i99", Forum "Dakwah Enam Dekad di Malaysia", menghimpunkan tokoh-tokoh dan aktivis dakwah serta jamuan makan malam. PUM telah menjemput tetamu-tetamu kehormat antaranya Y.Bhg. Tan Sri Dr. Abdullah bin Md. Zin, Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri; S.S. Dato' Seri Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hj. Osman, Mufti Negeri Pahang Darul Makmur merangkap Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Sheikh Hj. Abdul Halim bin Abd Kadir, Yang Dipertua PUM; Y.Bhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Yang Dipertua PUM merangkap Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Ustaz Anwar bin Hj. Zainal Abidin, Yang Dipertua PBMITT; Y.Bhg. Ustaz Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon, Naib Yang Dipertua PBMITT; Y.Bhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Yusof bin Noor, Presiden Universiti Islam Malaysia (UIM);

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob, Naib Presiden (Undang-Undang Dan Peraturan) Universiti Islam Malaysia (UIM); Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Yang Dipertua Persatuan Bahasa Arab Malaysia (PBAM) merangkap Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor, Setiausaha Agung PUM; Y.Bhg. Haji. Baharom bin Kassim, Bendahari Agung PUM; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Ahli Jawatankuasa Pusat PUM merangkap Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat PUM dan Ulama Umara Malaysia dan tetamu-tetamu kehormat yang dijemput khas untuk majlis.



MESYUARAT KHAS AHLI MAJLIS SYURA WOAG MALAYSIA

Pada 6 Oktober 2017 M bersamaan 15 Muharram 1439 H (Jumaat), Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) telah mengadakan Mesyuarat Khas Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Sekretariat Multaqa, Petaling Jaya, Selangor yang bermula jam 3.00 petang hingga 6.30 petang. Antara Ahli Majlis Syura yang hadir ialah Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamad Akram bin Laldin, Timbalan Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Turut hadir juga Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia sebagai pencatat minit mesyuarat; Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam IBEX Corporation serta Ustaz Ahmad Hafizuddin bin Othman, Ketua Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 sebagai pembantu pejabat. Mesyuarat pada kali ini telah membincangkan tentang perkara-perkara penting yang perlu dilakukan pasca penangguhan Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar

2017 dan mengambil kata putus ahli mesyuarat untuk menyelesaikan segala perbelanjaan Multaqa dengan kadar segera.



TEMURAMAH PRESIDEN WOAG MALAYSIA

Satu temuramah Presiden WOAG Malaysia, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, oleh Professional Video Trainer, Y.Bhg. En. Mohd Haikal bin Mohd Fadzil yang dibantu oleh Y.Bhg. En. Anuar bin Abd Razak, Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 telah dijalankan pada 6 Oktober 2017 M bersamaan 15 Muhamarram 1439 H (Jumaat) bertempat di Bilik Presiden, Pejabat Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan bagi memuatkan rakaman suara tersebut dalam video korporat rasmi WOAG Malaysia. Antara perkara yang dititik beratkan oleh Presiden dalam rakaman tersebut ialah Sejarah Penubuhan WOAG Cairo dan WOAG Malaysia, Sejarah Pejabat WOAG Malaysia di Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan, Malaysia sebuah Negara yang aman makmur dan Pelaksanaan Multaqa Serantau Alumni al-Azhar Malaysia 2015 yang lepas. Temuramah yang berlangsung selama setengah jam ini bermula pada jam 8.00 malam. Turut membantu juga dalam sesi temuramah ini antaranya Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Al-bakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Raafat Mohamad Harb Abu Sabha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia.



PENYERTAAN DALAM ISTIADAT KONVOKESYEN KE-7 UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Pada 16 Oktober 2017 M bersamaan 25 Muharram 1439 H (Isnin), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia telah mewakili WOAG Malaysia dalam penyertaan Istiadat Konvokesyen Ke-7, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei. Konvokesyen ini telah dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Y.B Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pendidikan Brunei selaku Pengurus Majlis UNISSA; Y.B Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama Brunei selaku Timbalan Pengurus Majlis UNISSA; Y.Bhg. Dr. Haji Norarfah bin Haji Zainal, Rektor UNISSA selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Mahrajan Hafl Al-Takharruj ke-7 UNISSA; Y.B Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia

(Dr.) Haji Mohd Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri; Y.B Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan Y.Bhg. Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Pendidikan serta seluruh Warga Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Turut hadir juga Y.Bhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Yusof bin Noor, Presiden Universiti Islam Malaysia (UIM) dan Y.Bhg. Mejar (K) Dr. Mohd Mizan bin Mohammad Aslam, Rektor KUIPs. Wakil WOAG Malaysia telah terlibat dalam Majlis Perasmian dan Mahrajan Hafl Al-Takharruj ke-7 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Presiden WOAG Malaysia selaku Rektor KUIN juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).



PENYERTAAN DALAM SEMINAR NGO ISLAM DAN MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA NGO ISLAM 2017

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Seminar NGO Islam Dan Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada NGO Islam 2017 yang menjemput pihak WOAG Malaysia untuk hadir pada 17 Oktober 2017 M bersamaan 26 Muharram 1439 H (Selasa) yang berlangsung pada jam 9.00 pagi hingga 3.30 petang bertempat di Auditorium Jakim, Aras B1, Kompleks Islam Putrajaya, Putrajaya. Seminar ini telah dihadiri beberapa tetamu kehormat antaranya Y.B Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM; Y.Bhg. Dr. Yusri bin Mohamad, Yang DiPertua Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM); Y.Bhg. Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh, Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM); Y.Bhg. Ustaz Zul Ramli bin M. Razali, Pendakwah Bebas; Y.Bhg. En. Jufitri bin Joha, Naib Presiden Angkat Belia Islam Malaysia (ABIM); Y.Bhg. Ustaz Hj. Nabil bin Ahmad, Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Seksyen Akidah, JAKIM serta tetamu-tetamu yang lain. Manakala pihak WOAG Malaysia pula diwakili oleh Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Ahmad Hafizuddin bin Othman, Ketua Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017. Seminar ini bermula seawal jam 9.00 pagi dengan perdaft-

aran peserta dan sarapan pagi. Kemudian diteruskan dengan ucapan aluan Pengerusi Majlis dan diserahkan majlis kepada moderator Forum untuk meneruskan sesi Forum yang bertajuk "Sinergi NGO Islam Dalam Modifikasi Pembangunan/Kesatuan Ummah" dan diberisi seramai 3 orang panel. Selepas selesai Forum, program ditangguhkan sementara untuk jamuan makan tengah hari dan Solat Zohor. Pada jam 2.15 petang, program diteruskan dengan Majlis Perasmian Program yang diisi dengan Ucapan Amanat oleh Y.B Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Penyampaian Sumbangan Kepada NGO Islam 2017.



PENYERTAAN DALAM MULTAQA NASIONAL KALI KE-4 ALUMNI AL-AZHAR INDONESIA DAN KONFERENSI INTERNASIONAL “MODERASI ISLAM: DIMENSI DAN ORIENTASI”

Pada 17 hingga 19 Oktober 2017 M bersamaan 26 hingga 28 Muharram 1439 H (Selasa hingga Khamis), buat julung kalianya Organisasi Internasional Alumni al-Azhar Cabang Indonesia (WOAG Indonesia) telah mengadakan Multaqa Nasional Kali Ke-4 Alumni al-Azhar Indonesia dan Konferensi Internasional “Moderasi Islam: Dimensi dan Orientasi” dan WOAG Malaysia telah dijemput hadir yang diwakili oleh Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Datin Nik Ismah binti Nik Abdul Rahman, isteri Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul; Y.Bhg. Datin Nikmah binti Ismail, isteri Dato' Hj. Ismail bin Noor dan Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia. Multaqa ini telah diadakan di Dewan Pusat Islam, Kota Mataram, Nusa Tenggara Barat (NTB), Indonesia dan dihadiri oleh Presiden Indonesia, Bapak Ir. H. Joko Widodo; Y.Bhg. Tuan Guru Dr. Muhammad Zainul Majdi, Gabenor NTB Indonesia; Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad 'Abd el-Fadhil el-Qousi, Timbalan Presiden WOAG Cairo; Y.Bhg. Tn. Usamah Yasin, Naib Presiden WOAG Cairo; H.E 'Abd el-Rahman Mousa, Penasihat Syeikh al-Azhar; Y.Bhg. Prof. Dr. 'Abd el-Dayim Nushair, Setiausaha Agung WOAG Cairo; Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamed Abou Hashim, Wakil Rektor Universiti al-Azhar Mesir; Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim Hudhud,

Mantan Rektor Universiti al-Azhar Mesir; Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Quraish Shihab, Presiden WOAG Indonesia; Y.Bhg. Dr. Muchlis M. Hanafi, Setiausaha WOAG Indonesia; Y.Bhg. Dr. Tayeb Mokhtar Moto, Presiden WOAG Jepun; Y.Bhg. Ustaz Muhammad Mubeen Saleem, Wakil WOAG India. Penyertaan dalam Majlis Makan Malam Sempena Multaqa Nasional Kali Ke-4 Alumni al-Azhar Indonesia di Taman Hotel Lombok Raya, Kota Mataram, Nusa Tenggara Barat (NTB). Multaqa Nasional Kali Ke-4 Alumni al-Azhar Indonesia ini mempunyai 1 sesi forum dan 2 sesi pembentangan kertas kerja. Manakala Konferensi Internasional “Moderasi Islam: Dimensi Dan Orientasi” pula terdapat 1 sesi forum dan 5 sesi pembentangan kertas kerja.



ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR DAN KONVOKESYEN KE-19 KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)

Kolej Universiti Insaniah (KUIN) buat julung kalinya telah menganjurkan Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Ke-19 yang melibatkan Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti sebagai Rektor KUIN merangkup Presiden WOAG Malaysia pada tarikh 21 dan 22 Oktober 2017 M bersamaan 1 dan 2 Safar 1439 H (Sabtu dan Ahad) bertempat di Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Hamnah, Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kuala Ketil, Kedah Darul Aman. Duli Yang Teramat Mulia Tunku Sallehuddin Ibni Al-marhum Sultan Badlishah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman dan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Maliha binti Tengku Ariff, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Negeri Kedah Darul Aman telah berkenan untuk berangkat ke Konvokesyen kali ini. Turut hadir juga Y.A.B Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah bin Md Hanipah, Menteri Besar Kedah; Pengurus, Ahli Lembaga Pengarah dan warga KUIN. Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia juga telah hadir sebagai wakil WOAG Malaysia Istiadat Konvokesyen KUIN pada tahun ini mempamerkan kelainan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Majlis pada kali ini dibentangkan dengan Sidang Khas dan Sidang Pertama pada 21 Oktober 2017 yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman. Manakala Sidang Kedua yang berlangsung pada 21 Oktober 2017 dan Sidang Ketiga pada 22 Oktober 2017 disempurkan oleh Rektor KUIN.



PENYERTAAN DALAM ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-1 KUIPS & MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

Pada 23 Oktober 2017 M bersamaan 03 Safar 1439 H (Isnin), pihak WOAG Malaysia telah menyertai Istiadat Konvokesyen Kali Ke-1 Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang dianjurkan oleh KUIPs bertempat di Auditorium Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kangar, Perlis. Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Negeri Perlis dan Tuanku Canselor KUIPs dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Negeri Perlis telah berkenan untuk berangkat ke Istiadat Kovokesyen Pertama ini. Antara tetamby kehormat lain yang hadir ialah Y.A.B Dato' Seri Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis dan Penggerusi Lembaga Pengarah KUIPs; Y.Bhg. Mejar (K) Dr. Mohd Mizan bin Mohammad Aslam, Rektor KUIPs; Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan bin Said, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM); Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN) merangkup Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Mejar Ir Hj. Kamarulzaman bin Hj. Musa (B), Ketua Eksekutif KLIA Professional and Management College (KLIA College); Y.Bhg. Prof. Dr. H. Syafrinaldi SH, Universiti Islam Negeri (UIN) Riau, Indonesia; Y.Bhg. Dr H. Ibrahim Siregar, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Padangsimpuan, Indonesia; Ahli Lembaga Pengarah dan Warga KUIPs seluruhnya. Turut

hadir juga Y.Bhg. Dr. Haji Norarfah bin Haji Zainal, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah bin Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Seramai 21 graduan diploma menerima sijil masing-masing yang merangkumi Diploma Perbankan Islam, Diploma Pengajian Islam dan Diploma Syariah. Pada waktu yang sama, 111 pelajar Asasi Muamalah dan Pengajian menerima sijil masing-masing. Presiden WOAG Malaysia yang juga Rektor KUIN telah terlibat dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Auditorium Mesyuarat Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kangar Perlis bagi menjalinkan kerjasama dengan 4 institusi pendidikan yang lain antaranya KUIPs, KLIA College, UIN Riau Indonesia dan IAIN Padangsimpuan, Indonesia.



ZIARAH MAHABBAH CEO MYANGKASA AMANAH KE PEJABAT WOAG MALAYSIA

Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada kali ini telah di datangi oleh Y.Bhg. Dato' Ahmad Saruji bin Abdul Aziz, CEO MyAngkasa Amanah Berhad pada 25 Oktober 2017 M bersamaan 5 Safar 1439 H (Rabu). Beliau bertandang pada jam 12.30 tengahari hingga 1.30 petang dan disambut baik oleh Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Ali @ Dudi Rusadi, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam IBEX Corporation dan Ustaz Ahmad Hafizuddin bin Othman, Ketua Sekretariat Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017. Tujuan Y.Bhg. Dato' Ahmad Saruji Abdul Aziz hadir melawat Pejabat WOAG Malaysia adalah untuk berbincang bersama Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz.



PENYERTAAN DALAM MUSYAWARAH EKSEKUTIF DAN DIALOG PEMBANGUNAN UMMAH

Pada 31 Oktober 2017 M bersamaan 11 Safar 1439 H (Selasa), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Dakwah Negara (MDN) – Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) dengan sokongan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menganjurkan Musyawarah Eksekutif dan Dialog Pembangunan Ummah bertempat di Dewan Satri 1, Aras 3, Hotel Dossier, Putrajaya yang dimulakan pada jam 8.00 pagi hingga 1.30 petang. Dewan tersebut dipenuhi dengan kehadiran para tetamu kehormat antaranya Y.Bhg. Datuk Hj. Zainal Abidin bin Jaffar, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM; Y.Bhg. Ustaz Hj. Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, Ketua Penolong Pengarah Kanan JAKIM; Y.Bhg. Dr. Yusri bin Mohamad, Yang DiPertua Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM); Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab Majid, Penggerusi MDN; Y.Bhg. Dato' Haji Razali bin Haji Shahabudin, Penggerusi Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM); Y.Bhg. Prof. Dato' Paduka Zakaria bin Stapa, Timbalan Penggerusi MDN; Y.Bhg. Dr. Muhammad Razak bin Idris, Setiausaha Agung MDN; Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Yusof bin Noor, Wakil Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan wakil NGO-NGO Islam yang lain. Dialog ini mempertemukan pimpinan agensi-agensi agama Persekutuan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan pimpinan NGO-NGO Islam terpilih di Malaysia. Seramai 40 orang

perwakilan yang hadir. Objektif dan matlamat program ini adalah untuk membincangkan perkara-perkara dasar pentadbiran dan pengurusan Islam di Malaysia dan mengenal pasti peranan dan kepentingan bersama dalam agenda pembangunan ummah, dan memperkuatkan pelaksanaan pentadbiran (Good Governance) pembangunan ummah di Malaysia menerusi amalan perkongsian maklumat dan memperolehi maklum balas secara eksklusif dari sektor-sektor berkepentingan bersama. Antara wakil NGO Islam yang hadir ialah WOAG Malaysia, PERKIM, Yayasan Ihtimam Malaysia (IHTIMAM), Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) dan Malaysia Chinese Muslim Association (MACMA). Penggerusi MDN dan Wakil Ketua Pengarah JAKIM telah membentangkan peranan dan fungsi masing-masing untuk diambil maklum untuk perkongsian bersama. YDP Yadim juga telah hadir menyampaikan ucapan penangguhan dan penutup majlis.



PENYERTAAN DALAM LIQA' MAHABBAH EKSKLUSIF

Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Majlis Dakwah Negara (MDN), Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PB-MITT) dan Yayasan Ihtimam Malaysia dengan jayanya telah mengadakan Liqa' Mahabbah Eksklusif pada 31 Oktober 2017 bersamaan 11 Safar 1439 H (Selasa) di Dewan Ballroom 1, Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor yang bermula pada jam 9.00 malam. Antara tetamu kehormat yang dijemput hadir ialah Y.Bhg. Prof. Dr. Ali Muhyiddin al-Qurrahdaghi, Setiausaha Agung Kesatuan Ulama' Dunia. Manakala peserta yang hadir antaranya Y.Bhg. Dato' Sheikh Hj. Abdul Halim bin Abd Kadir, Yang Dipertua PUM; S.S. Dato' Seri Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hj. Osman, Mufti Negeri Pahang Darul Makmur merangkap Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Dr. Mahfodz bin Mohamed, Ketua Kluster Dakwah Majlis Perundingan Islam (MPI) Malaysia; Y.Bhg. Dato' Haji Razali bin Haji Shahabudin, Pengurus Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM); Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Fauzi bin Deraman, Naib Yang Dipertua I PUM; Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Abdul Karim bin Ali, Naib Yang Dipertua II PUM; Y.Bhg. Ustaz Dr. Ahmad Shahbari @ Sobri bin Salamon, Timbalan Yang DiPertua PBMITT; Y.Bhg. Ustaz Abada Tawfik al-Bahnasy, Pegawai Khas Jabatan Perdana Menteri (JPM); Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor, Setiausaha Agung PUM dan Y.Bhg. Ustaz Rumaizi bin Ahmad, Penolong Setiausaha Agung PUM. Turut hadir juga Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Prof. Madya Mohd Fauzi bin Hamat, Ahli Majlis

Syura WOAG Malaysia. Majlis dimulakan dengan kedatangan para peserta dan tetamu kehormat. Kemudian majlis diteruskan dengan kata-kata aluan Pengerusi Majlis dan Ucapan Aluan oleh Yang DiPertua PUM. Selepas itu majlis diserahkan sepenuhnya kepada tetamu jemputan khas iaitu Y.Bhg. Prof. Dr. Ali Muhyiddin al-Qurrahdaghi untuk menyampaikan tausiyah bersempena lawatan beliau ke Malaysia. Dalam pada itu, para tetamu disediakan jamuan malam malam dan majlis diakhiri dengan sesi bergambar.



MESYUARAT AHLI MAJLIS SYURA WOAG MALAYSIA BIL. 5/2017

Pada 5 November 2017M bersamaan 16 Safar 1439H (Ahad), WOAG Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Ahli Majlis Syura Bil. 5/2017 di Bilik Mesyuarat, Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor. Mesyuarat pada kali ini telah dihadiri seramai 9 orang Ahli Majlis Syura antaranya Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Ahmad bin Yussuf, Penolong Setiausaha WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Bendahari WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim dan Y.Bhg. Tn. Hj. Salehhuddin bin Yaacob, Ahli-ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Manakala Ustaz Abdul Rahim Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia juga turut hadir sebagai pencatat minit mesyuarat dan Ustaz Dudi Rusadi@Ali Rashid Abdul Hakim, Pegawai Khas Hal Ehwal Agama Islam IBEX Corporation Amalgamated Sdn. Bhd. serta Ustaz Raafat Abu Sobhah, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia hadir juga membantu urusan pejabat. Mesyuarat telah membangunkan perkembangan Multaqa Sedunia Alumni al-Azhar 2017 yang dilaporkan oleh Presiden, cadangan menjalankan program Multaqa Keindahan Islam - Beaufort, Sabah 2017, pemerkasan penerbitan WOAG Malaysia dan hal-hal lain. Mesyuarat yang dimulakan jam 5.00 petang ini berakhir pada jam 11.00 malam.



KUNJUNGAN PRESIDEN IKATAN PEMBANGUNAN MUSLIM SELANGOR (ASMAK) KE PEJABAT WOAG MALAYSIA

Presiden Ikatan Pembangunan Muslim Selangor (ASMAK), Y.Bhg. Dr. Mohamad Zain bin Musa, Presiden ASMAK bersama isteri telah mengadakan kunjungan ke Pejabat WOAG Malaysia di Petaling Jaya, Selangor pada 8 November 2017M bersamaan 19 Safar 1439H (Rabu) jam 12.30 Tengah Hari. Presiden ASMAK bersama isteri beliau telah disambut baik dan penuh hormat oleh Y.Bhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia dibantu oleh staf pejabat WOAG Malaysia iaitu Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia. Para tetamu tersebut membawa hasrat untuk berbincang bersama Naib Presiden II WOAG Malaysia dalam perkara-perkara yang perlu diselesaikan. Perbincangan tamat dan bersurai tepat jam 2.00 petang.



MINGGU BAHASA ARAB AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA (APIUM)

Kelab Bahasa Arab Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dengan kerjasama WOAG Malaysia telah mengadakan Minggu Bahasa Arab APIUM pada 13 hingga 17 November 2017M bersamaan 24 hingga 28 Safar 1439H (Isnin hingga Jumaat) bertempat di Akademi Pengajian Islam UM bertemakan "–تعلموا العربية وعلموها الناس" Belajarlah Bahasa Arab Dan Ajarkannya Kepada Orang Lain". Program ini dijalankan bagi mencapai objektif yang disasarkan antaranya meningkatkan penguasaan dan pembudayaan Bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa/i APIUM, membangkitkan kesedaran mahasiswa/i APIUM terhadap kepentingan menguasai Bahasa Arab di samping mempromosikan Kelab Bahasa Arab APIUM sebagai wasilah mempertingkatkan penguasaan Bahasa Arab di peringkat APIUM. Program yang berlangsung selama seminggu ini terbuka kepada seluruh mahasiswa/i APIUM. Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia merangkap Penasihat Kelab Bahasa Arab APIUM antara yang hadir sepanjang program ini berlangsung. Antara aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang Minggu Bahasa Arab ini ialah Pertandingan Debat Bahasa Arab Piala Pengarah APIUM, Nasyid dan Khat; Syarahan Umum oleh Panel Jemputan serta Pameran 'Booth'. Pihak WOAG Malaysia mengucapkan semoga segala manfaat yang diperoleh dalam penganjuran program dapat diperlakukan oleh mahasiswa/i dan sebagai pembakar semangat kepada ahli Kelab Bahasa Arab APIUM untuk terus maju mempelbagaikan lagi aktiviti yang menarik pada masa akan datang.



JEMPUTAN SYARAHAN UMUM MINGGU BAHASA ARAB APIUM

Sempena Minggu Bahasa Arab (MBA) Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) yang berlangsung sekarang ini, Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia juga sebagai Yang DiPertua Persatuan Bahasa Arab Malaysia (PBAM) telah dijemput sebagai Penceramah dalam Syarahan Umum bertajuk “- التعبيرات المستخدمة في المحادثة اليومية” Ungkapan-Ungkapan Yang Digunakan Dalam Komunikasi Harian” yang diadakan pada 15 November 2017M bersamaan 26 Safar 1439H (Rabu) bertempat di The Cube, APIUM, Universiti Malaya, Kuala Lumpur anjuran Kelab Bahasa Arab APIUM dengan kerjasama WOAG Malaysia. Penyertaan program sangat memuaskan dengan kehadiran peserta dalam kalangan Mahasiswa/i APIUM dan pelajar-pelajar sekolah yang dijemput khusus antaranya pelajar Pondok Moden Al-'Abaqirah. Syarahan dimulakan pada jam 9.00 pagi dengan Ucapan Aluan Pengerusi Majlis dan Bacaan Doa. Syarahan berlangsung selama 1 jam dan dijalankan juga sesi soal jawab antara panel dan peserta yang hadir. Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud juga diiringi oleh Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Pensyarah Kanan APIUM merangkap Setiausaha WOAG Malaysia. Program berakhir pada jam 11.30 pagi dengan sesi penyampaian cenderahati dan bergambar kenang-kenangan. Turut hadir Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Raafat Abu Sobha, Pembantu Pejabat WOAG Malaysia.



JEMPUTAN MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN) DAN PERSATUAN MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN MALAYSIA (PERMATA)

19 November 2017M bersamaan 30 Safar 1439H (Ahad) adalah hari bersejarah bagi Permata al-Quran. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA) dengan Kolej Universiti Insaniah (KUIN) telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Canselori, KUIN, Kuala Ketil, Kedah. Perjanjian persefahaman ini antara kandungannya adalah untuk mengadakan program SPM Fast Track kepada pelajar-pelajar tahfiz yang bernaung di bawah Permata al-Quran. Seterusnya mereka akan berpeluang untuk menyambung pelajaran di KUIN. Perjanjian persefahaman di antara Permata al-Quran dan KUIN adalah merupakan perjanjian yang pertama di antara keduanya. KUIN diwakili oleh Rektornya merangkap Presiden WOAG Malaysia, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti; Timbalan Rektor, Dekan Kulliyyah al-Quran dan Sunnah KUIN, Y.Bhg. Dr. Mohd Sholeh Bin Sheh Yusuff Al- Hafiz; serta beberapa pegawai yang lain. Manakala Permata Al-Quran diwakili oleh Presidennya Y.Bhg. Ustaz Manolito Dahlan; Timbalan Presiden, Y.Bhg. Prof. Musa; serta beberapa Ahli Majlis Penasihat lain yang turut hadir. Moga menerusi jaringan kerjasama ini akan dapat memberi peluang pendidikan yang lebih luas kepada pelajar-pelajar tahfiz di Malaysia.



PENYERTAAN DALAM PERSIDANGAN PEMIKIRAN DAN TAMADUN ISLAM DUNIA KE-4 (WCIT 2017)

Pada 20 hingga 22 November 2017M bersamaan 1 hingga 3 Rabi'ul Awwal 1439H (Isnin hingga Rabu) buat julung kalinya Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) di bawah naungan Kerajaan Negeri Perak telah menganjurkan satu program yang berprestij iaitu Persidangan Pemikiran Dan Tamadun Islam Dunia Ke-4 atau The 4th World Conference Islamic Thought And Civilization 2017 (WCIT 2017) yang telah dijalankan selama 6 tahun berturut-turut sejak tahun 2012 dan mempamerkan kehadiran peserta yang lebih daripada 15 buah negara seluruh dunia. Menteri Besar Negeri Perak, Y.Bhg. Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir berkata pembentang yang dijemput merupakan para pemikir bertaraf antarabangsa dimana ia melibatkan pemikir Islam dan juga bukan Islam. Persidangan WCIT kali ke-4 ini berlangsung di Hotel Casuarinadi Meru, Ipoh, Perak dengan bertemakan "Keamanan Global" dan disertai cendekiawan terkemuka dunia dengan memberi tumpuan kepada soal keamanan kemanusiaan melalui gabungan pemikiran Islam. Objektif utama WCIT2017 adalah untuk menyediakan platform untuk membincangkan pendekatan dan reka bentuk utama dalam menyediakan pandangan holistik dan pelan pembangunan; sejajar dengan pemikiran Islam dan prinsipnya. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah berangkat ke WCIT 2017 bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan WCIT 2017. Turut hadir juga Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia juga sebagai Rektor

Kolej Universiti Insaniah (KUIN) dan Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia.



PENYERTAAN DALAM FORUM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA (MYHEF) 2017

Forum Pendidikan Tinggi 2017 atau Malaysia Higher Education Forum (MyHEF2017) adalah program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Forum yang diadakan untuk pertama kalinya dalam lelaran semasa, MyHEF2017 bertujuan untuk mengumpulkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk ahli akademik, penyelidik, pelajar, NGO, ahli masyarakat, dan pemain industri untuk melibatkan diri dalam perbincangan yang bermakna dan pemikiran yang membangkitkan pendidikan tinggi. MyHEF2017 menyaksikan pengumpulan pakar pendidikan dan industri terkemuka di peringkat tempatan dan global, untuk berkongsi pendapat mereka tentang trend baru yang menjelaskan ruang pendidikan tinggi. MyHEF2017 juga akan bertindak sebagai platform KPT untuk berkongsi kemajuan yang sedang dibuat dalam mengubah (atau seperti yang kita katakan, mereka bentuk semula) pendidikan tinggi Malaysia untuk masa depan. Forum ini telah dijalankan pada 23 dan 24 November 2017M bersamaan 4 dan 5 Rabi'ul Awwal 1439H (Khamis dan Jumaat) di Dewan Planery, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Kuala Lumpur bermula jam 8.30 pagi dan berakhir jam 5.30 petang. MyHEF2017 bertemakan "Merombak Semula Pendidikan Untuk Industri 4.0" ini bagi mencapai objektif antaranya untuk meneroka cabaran dan peluang yang dibawa oleh Industri 4.0 berbanding dengan usaha KPT untuk mengubah reka bentuk pendidikan dan untuk berkongsi kemajuan yang dibuat oleh KPT di bawah Rangka Tindakan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi). Y.B Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pengajian Tinggi menyampaikan Ucapan beliau manakala Y.Bhg. Prof.

Ulung Datuk Dr. Harith bin Ahmad, Prof. Universiti Malaya (UM); Y.Bhg. Prof. Dr. Kehkooi Kee, Prof. Universiti TsingHua China; Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmed Osumanu Haruna, Prof. Universiti Putra Malaysia (UPM); Y.Bhg. Prof. Dr. Lua Pei Lin, Prof. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Sri Mala A/P Sreekanthan, Prof. Universiti Malaysia Sabah (UMS) antara para ahli panel yang membentangkan kertas kerja dalam forum ini. Turut hadir Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia juga sebagai Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN).



PENYERTAAN DALAM PERSIDANGAN KHAYR UMMAH 2017 (KUC 2017)

Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkolaborasi bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Pertubuhan al-Khaadem Malaysia, Pertubuhan Ilmuan Malaysia (ILMU) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam menganjurkan Persidangan Khayr Ummah 2017 (KUC 2017) yang diadakan pada 26 dan 27 November 2017M bersamaan 7 dan 8 Rabi'ul Awwal 1439H (Sabtu dan Ahad) di Dewan Hotel InterContinental, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Pegawai Khas Pejabat Penasihat Perdana Menteri, Y.Bhg. Datuk Dr. Fathul Bari bin Mat Jahaya mengatakan persidangan bertemakan "The Manhaj of the Ahlu As-Sunnah Unites ASEAN" ini telah menyediakan platform pertemuan dan pengenalan dalam kalangan sarjana Islam di rantau Asia Tenggara untuk mewujudkan hubungan rapat dan rangkaian untuk jangka masa panjang. Juga Menteri Komunikasi dan Multimedia, Y.B Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak hadir bagi merasmikan Majlis Prapelancaran KUC 2017. Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Y.Bhg. Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi dan Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia, Syeikh Mahmud Husin Qottan. Hadir sama Menteri Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Bimbingan Arab Saudi, Sheikh Saleh Bin Abdul Aziz Al Ash-Sheikh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B Dato' Seri Mejar Jeneral Jamil Khir Baharom (B); Timbalan Menteri Luar Negeri, Y.B Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B Senator Dato' Dr Asyraf Wajdi Dato' Dusuki dan Presiden Pertubuhan Al-Khaadem Malaysia, Y.Bhg. Ustaz Hussain Yee Abdul-

lah. Persidangan 2 hari ini dihadiri lebih 1,200 peserta merangkumi 'ulama, tokoh agama, pemikir Islam, ahli akademik dan mahasiswa dari 8 negara anggota ASEAN antaranya Malaysia, Indonesia, Brunei, Filipina, Singapura, Thailand, Kemboja, Laos, Vietnam, Burma, Jepun, Koream China, Hong Kong dan Taiwan termasuk ahli akademik serta penyelidik dari Arab Saudi. Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia juga sebagai Yang DiPertua Persatuan Bahasa Arab Malaysia (PBAM) juga telah dijemput khas untuk hadir ke persidangan ini. Muktamar yang berlangsung selama dua hari ini mendiskusikan tajuk antaranya Wassatiyah dalam Islam : Ketulenan Metod Dan Kepentingan Praktiknya; Cabaran-cabaran Dalam Mendepani Wasatiyyah; Konsep Berpuak-puak dan Melampau Serta Kesannya Dalam Memecah-belahkan Kesatuan Umat Islam; Usaha-usaha Yang Dilakukan Oleh Para Pemimpin Islam Dalam Menjayakan Wasatiyyah; Contoh-contoh Semasa Dalam Menjayakan Wasatiyyah; Usaha-usaha Negara dan Pertubuhan Islam Dalam Menjayakan Wasatiyyah dan Memperkasakan Solidariti Ummah.



PENYERTAAN DALAM MAJLIS ANUGERAH EKONOMI ISLAM 2017

WOAG Malaysia mengucapkan Penghargaan Tahniah kepada Y.Bhg. Prof Dr Mohamad Akram Laldin, Ketua Eksekutif Akademi Antarabangsa Penyelidikan Syariah - Kewangan Islam (ISRA) merangkap Timbalan Presiden WOAG Malaysia atas kejayaan ISRA yang telah merangkul anugerah 4 kali berturut-turut dalam Organisasi Penyelidikan Terbaik dari Islamic Finance News (IFN) dan kini dinobatkan sebagai Juara bagi kategori "Islamic Economy Knowledge Infrastructure" yang disampaikan oleh Kerajaan Dubai, United Arab Emirates (UAE) dalam Majlis Anugerah Ekonomi Islam 2017 pada 27 November 2017M bersamaan 8 Rabi'ul Awwal 1439H (Ahad). Ketua Eksekutif ISRA menerima anugerah tersebut daripada Putera Mahkota Dubai, Sheikh Hamdan Bin Sheikh Mohammed Al Maktoum dalam Acara Tahunan International Expo-Consults (IEC) di Dubai, UAE. Y.Bhg. Prof. Mohamad Akram Laldin menyatakan bahawa salah satu komponen strategik pencapaian ISRA terkini adalah kerjasama yang diterima ISRA dari berbagai institusi dan bidang kuasa. ISRA melalui penyelidikan, perundingan dan penerbitan yang berterusan akan terus memupuk hubungan dengan industri Kewangan Islam ke arah membina industri Kewangan Islam yang kukuh dan mapan.



SESI LATIHAN WEB WOAG MALAYSIA

Pada 27 November 2017M bersamaan 8 Rabi'ul Awwal 1439H (Ahad), Pejabat WOAG Malaysia telah mengadakan 1 sesi latihan mengendalikan Web Rasmi WOAG Malaysia bersama Web Developer, Y.Bhg. Tn. Muhammad Thoriq bin Dato' Muhammad daripada Syarikat Syncronet Sdn. Bhd. di Bilik Mesyuarat, Pejabat WOAG Malaysia, Petaling Jaya, Selangor. Bagi sesi pertama ini telah dihadiri oleh Y.Bhg. Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil, Setiausaha WOAG Malaysia; Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia; Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Dudi Rusadi@Ali Rashid Abdul Hakim, Pegawai Khas Hal Ehwal Agama Islam IBEX Corporation Amalgamated Sdn. Bhd.. Latihan dimulakan dengan penerangan oleh Y.Bhg. Tn. Muhammad Thoriq tentang selok belok web iaitu perkara asas kendalian web seterusnya cara mengubah dan menukar segala aspek dalam web secara terperinci. Latihan yang bermula jam 11.00 pagi ini berakhir jam 2.30 petang.



PENYERTAAN DALAM MAJLIS MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN 1439H/2017M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1439H/2017M yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diadakan dengan jayanya pada 30 November 2017M bersamaan 11 Rabi'ul Awwal 1439H (Khamis), bertempat di Masjid Wilayah, Persekutuan Kuala Lumpur. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V telah berkenan berangkat menghadiri majlis berkenaan sekaligus merasmikannya. Dengan bertemakan "Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara", majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri; YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri; YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Penggerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1439H/2017M, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki dan tetamu-tetamu kenamaan yang lain. Majlis sambutan ini turut disertai lebih 10,000 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, golongan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai. Pada majlis ini juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V telah berkenan menyampaikan anugerah Maulidur Rasul SAW kepada sembilan penerima. Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW bagi tahun 1439H/2017M telah dianugerahkan kepada YDH. Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan, Orang Besar 8

Perak, Y.Bhg. Dato' Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti. Manakala Iapan (8) lagi penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW adalah Y.Bhg. Datuk Wira Hj. Yaakub Bin Md. Amin, Y.Bhg. Dato' Hj. Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia; Y.Bhg. Dato' Ku Jaafar Bin Ku Shaar, Y.Bhg. Dato' Aidit Bin Ghazali, Y.Brs. Prof. Dr. Mohamad Akram Bin Laldin, Timbalan Presiden WOAG Malaysia; Y.Brs. Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, Y.Bhg. Prof. Datin Dr. Raihanah Binti Haji Abdullah dan Y.Brs. Dr. Nur Adlyka Binti Ainul Annuar.



JEMPUTAN FORUM PERDANA SURAU AL-FURQAN PUTRAJAYA

Seramai lebih kurang 75 orang masyarakat awam sekitar Putrajaya menghadiri Forum Perdana Surau Al-Furqan yang dianjurkan oleh pihak Jawatankuasa Surau Al-Furqan, Presint 11, Putrajaya di sini. Forum menampilkan 2 orang ahli panel iaitu Y.Bhg. Dato' Hj. Mustafa bin Taib, Bekas Panel Pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan Y.Bhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia serta moderator Y.Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia. Program dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah yang dipimpin oleh Imam Surau dan program ini bertujuan mendedahkan masyarakat umum dengan kepimpinan dan akhlak yang baik oleh Rasulullah SAW yang patut dicontohi oleh semua lapisan masyarakat sesuai dengan tajuk forum ini iaitu "Rasulullah SAW Pemimpin Contoh". Forum telah berlangsung pada 1 Disember 2017M bersamaan 12 Rabi'ul Awwal 1439H (Jumaat) di Surau Al-Furqan yang dimulakan pada jam 7.30 malam dan berakhir jam 9.00 malam dengan Solat Isya' berjemaah.



FORUM PERDANA
SURAU AL FURQAN P11
PUTRAJAYA

Al-Furqan
di hatiku

"RASULULLAH S.A.W PEMIMPIN CONTOH"

Dato' Hj Mustafa b Taib
Bekas Panel Pemikir JASA
Panel 2

Dato' Ismail Noor
Moderator

Dato' Hj Wan Mohamad b Dato' Sheikh Abd. Aziz
Mantan KP JAKIM
Panel 1

01.12.2017 JUMAAT 7:30 MALAM

Muslimin & Muslimat
di jemput hadir

PENYERTAAN DALAM THE ANNUAL INTERNATIONAL ISLAMIC PEACE CONFERENCE DAN THE 8TH ANNUAL MULTICULTURAL MAWLID CONCERT (MAWLID 2017) DARULFATWA ISLAMIC HIGH COUNCIL AUSTRALIA

"Together in Loving Muhammad" adalah slogan yang digunakan dalam Multicultural Mawlid Concert tahun ini menarik lebih dari 5000 orang Muslim dari Australia dan seluruh dunia ke Stadium Sydney Olympic Park Sports Centre, Olympic Boulevard, Homebush, Australia pada 3 Disember 2017M bersamaan 14 Rabi'ul Awwal 1439H (Ahad) untuk bersama-sama dalam merayakan Mawlid terbesar yang pernah ada di Australia sempena memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW. Majlis dimulakan seawall jam 6.00 petang. The 8th Annual Multicultural Mawlid Concert ini telah dianjurkan oleh The Islamic Charity Projects Association (ICPA) di bawah naungan Darulfatwa-Majlis Tertinggi Islam Australia. Antara yang menerima undangan Darulfatwa Australia ke majlis berprestij ini ialah ahli akademik, menteri agama, dekan universiti, imam-imam, sarjana dan tokoh Islam dari Asia Tenggara dan sebahagianya Australia. Wakil WOAG Malaysia yang hadir ke majlis ini antaranya Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia bersama anak mereka. Turut hadir daripada delegasi Malaysia yang dijemput khas antaranya Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS); Y.Bhg. Dato' (Dr.) Hj. Noh bin Gadut, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan lain-lain. Dalam Majlis Mawlid ini juga dijalankan Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan Keamanan Islam Antarabangsa yang dianjurkan oleh Darulfatwa

Islamic High Council of Australia dengan kerjasama Majlis 'Ulama Indonesia Cawangan Jakarta. Pengerusi Darulfatwa, Y.Bhg. Dr. Sheikh Salim Ulwan dan Dekan Majlis Al-Ulama Cawangan Jakarta, Y.Bhg. Sheikh Ahmad Sharif Ad-Din Abdul Ghani bekerjasama untuk mengadakan Persidangan bertajuk "Muhammad, peace be upon him, the Prophet of Mercy and Messenger of Peace" yang diadakan pada 4 Disember 2017M bersamaan 15 Rabi'ul Awwal 1439H (Isnin) di Hotel Garden View, Bankstown, Australia. Kemudian pada 7 Disember 2017M bersamaan 18 Rabi'ul Awwal 1439H (Khamis), delegasi WOAG Malaysia meneruskan perjalanan di Australia dengan mengadakan Kunjung Hormat ke Kedutaan Malaysia di Australia bertempat di Adelaide Terrace, Perth, Australia.



PENYERTAAN DALAM MAJLIS MAKAN MALAM ULANG TAHUN KE-20 MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)

Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF) menganjurkan Majlis Makan Malam pada 12 Disember 2017M bersamaan 23 Rabi'ul Awwal 1439H (Selasa) di Dewan Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur untuk memperingati Ulang Tahun Ke-20 Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM dan juga mengiktiraf sumbangan ahli dan mantan ahli Majlis Penasihat Syariah BNM dalam membentuk pembangunan kewangan Islam di Malaysia. Majlis makan malam ini diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Dr. Nazrin Muizzuddin Shah dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim. Majlis makan malam ini turut dihadiri oleh para sarjana Syariah, pemimpin industri, ahli akademik terkemuka serta wakil-wakil kanan daripada sektor awam. DYMM Sultan Nazrin Shah berkenan melancarkan sebuah buku ilustrasi yang diterbitkan oleh BNM berjudul "20 Tahun Majlis Penasihat Syariah: Daripada Prinsip kepada Amalan" memaparkan peristiwa penting dan sumbangan MPS sejak 20 tahun sejak penubuhannya. Buku ini memaparkan perjalanan pembangunan kewangan Islam dan peranan MPS dalam membentuk pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan Islam melalui keputusan Syariah. Peranan MPS adalah penting dalam memastikan pengharmonian Syariah dalam industri kewangan Islam Malaysia dan sekaligus mengekalkan keyakinan orang ramai, dan seterusnya menggalakkan dan merangsang permintaan yang berterusan terhadap

kewangan Islam di negara ini. Buku ini juga menampilkan wawancara eksklusif dan kenangan peribadi tokoh utama yang memainkan peranan penting dalam pelbagai peringkat perkembangan MPS. BNM juga mengeluarkan "Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi" iaitu kompilasi 12 piawaian Syariah yang akan menjadi panduan industri dalam membangunkan produk berlandaskan Syariah serta "Kompilasi Keputusan Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Ketiga)", merangkumi resolusi Syariah dalam kewangan Islam yang dikeluarkan dan diterbitkan dari 2011-2017. Dua edisi sebelumnya telah diterbitkan pada tahun 2007 dan 2010. Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamad Akram bin Laldin, Timbalan Presiden WOAG Malaysia dan Y.Bhg. Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Naib Presiden II WOAG Malaysia merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah BNM turut hadir dalam Majlis Makan Malam tersebut.



PENYERTAAN DALAM HIMPUNAN PERDANA SOLIDARITI SELAMATKAN BAITULMAQDIS

Y.A.B Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dengan keizinan Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Timbalan Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Yayasan Amal Malaysia telah bekerjasama mengadakan Himpunan Perdana – Solidariti Selamatkan Baitulmaqdis dengan jayanya pada 22 Disember 2017M bersamaan 3 Rabi'ul Akhir 1439H (Jumaat) bertempat di Masjid Putra, Persiaran Persekutuan, Presint 1, Putrajaya. Himpunan bermula dengan slot Forum Solidariti Selamatkan Baitulmaqdis yang diberisi ahli panel dari pelbagai latar belakang parti politik dan ahli akademik bermoderatorkan Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab Majid, Pengurus Majlis Dakwah Negara dan ahli panel antaranya Y.Bhg. TYT Dato' Dr. Anwar Al Agha, Duta Besar Palestin di Malaysia; Y.Bhg. Dato' Saifuddin Nasution Ismail, Ahli Parlimen Machang Kelantan dari Parti Keadilan Rakyat (PKR); Y.Bhg. Ustaz Muhammad Khalid bin TG Dato' Seri Abdul Hadi, Ketua Pemuda Pusat dari Parti Islam SeMalaysia (PAS); Y.Bhg. Dr. Yusri bin Muhammad, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM); Y.Bhg. Ustaz Hasanuddin bin Mohd Yunus, Naib Presiden Parti Amanah Negara (PAN) dan Y.Bhg. Dr. Muhammad Faiz bin Na'aman, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Forum ini bermula jam 12.00 tengah hari dan berakhir jam 1.00 petang. Himpunan diteruskan dengan Solat Jumaat yang mana Khutbah Jumaat telah disampaikan oleh Sahibul Samahah Datuk Dr. Zulkifli Muhammad Al-Bakri, Mufti

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Himpunan tersebut menyaksikan pembentangan resolusi Malaysia berhubung isu Baitulmaqdis oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia dan kira-kira lebih 200 anggota NGO turut serta tanpa menyatakan bantahan sama. Perkaraan Masjid dipenuhi peserta himpunan seawal jam 10 pagi dengan berpakaian warna tema himpunan iaitu warna putih. Perhimpunan ini telah menyatukan kira-kira 10,000 rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang, fahaman dan pegangan bagi melahirkan rasa dukacita ke atas nasib yang menimpa saudara-saudara Islam di Palestin. Dalam himpunan ini Y.A.B Perdana Menteri juga telah membacakan resolusi dan melancarkan kutipan Tabung Palestin serta diserahkan kepada Wisma Putra. Acara lain antaranya mendatangani kain rentang yang disediakan bagi menunjukkan solidariti menyelamatkan Baitulmaqdis Palestin. Turut hadir Ustaz Mohd Radzi bin Ismail Albakri, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia dan Ustaz Abdul Rahim bin Abd Latif, Penolong Setiausaha Kerja WOAG Malaysia.



JEMPUTAN FORUM JAWHAR BERSAMA : “UNCANG AKHIRAT”

Pada 24 Disember 2017M bersamaan 5 Rabi’ul Akhir 1439H (Ahad) telah diadakan satu forum yang dinamakan Forum Jawhar Bersama : “Uncang Akhirat” di Laman Masjid Suhthiyyah, Pondok Chegar, Pendang, Kedah. Forum pada kali ini merupakan salah satu slot Program “Bersama Santuni Masyarakat” yang dimulakan seawal jam 9.00 pagi dan dianjurkan bersama oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), YaPeim, Bank Islam, Yayasan Takwa dan Pondok Chegar dengan kerjasama Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Agensi-agensi Mengurus Zakat (AMS) dan Agensi-agensi di Negeri Kedah. Antara aktiviti menarik sepanjang seharian berprogram adalah Pameran Keselamatan dan Kesihatan serta Jabatan/Agensi Kerajaan dan Swasta. Tepat jam 9.00 malam dimulakan dengan ucapan aluan Y.Brs. Tn. Hj. Ahmad Musaddad bin Hj. Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR juga sebagai Ketua Pentadbir Pondok Chegar seterusnya diserahkan kepada Moderator Forum, Y.Bhg. Tn. Syeikh Wan Addas bin Wan Abd Hamid, Pegawai Agama Daerah Pendang, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Pendang. Forum diberisi dengan ahli panel antaranya Y.Bhg. Prof. Dato’ Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN) juga sebagai Presiden WOAG Malaysia; Y.Brs. Tn. Hj. Sheikh Zakaria bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LZNK dan Y.Brs. Dr. Sheikh Hazizan bin Mat Desa, Pegawai Agama Islam Daerah Kuala Muda, Kedah. Forum berlangsung selama 1 jam 30 minit dan berakhir jam 11.00 malam dengan penyampaian cenderahati kepada moderator dan ahli

panel serta sesi bergambar. Turut hadir Y.Bhg. Datin Hajjah Zaharah binti Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia.









المُنظَّمةُ الْعَالَمِيَّةُ لِخُريجِيِّ الْأَزْهَرِ فِي مَالَيْسِيَا

RABITAH ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA
The World Organization for al-Azhar Graduates Malaysia

(PPM-013-10-01032012)



PRESIDEN /

Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti
الأستاذ داتو الدكتور محمد فخر الدين عبد المعطي



TIMBALAN PRESIDEN /

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
الأستاذ الدكتور محمد أكرم للدين



NAIB PRESIDEN /

Dato' Yahya A. Jalil
داتو يحيى عبد الجليل



NAIB PRESIDEN II /

Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz
داتو وان محمد داتو الشيخ عبد العزيز



PEN. SETIAUSAHA /

Dr. Ahmad Yussuf
الدكتور أحمد يوسف



SETIAUSAHA /

Dr. Asyraf Isyraqi Jamil
الدكتور أشرف إشراقي جميل



BENDAHARI /

Dr. Muhammad Yamin Ismail
الدكتور محمد يamin إسماعيل



PEN. BENDAHARI /

Tuan Hj Sr. Abdullah Sani Hj Hanafi
الحاج مهندس عبدالله ساني الحاج حنفي



S.S. Dato' Seri Dr.
Haji Abd Rahman Osman
صاحب السماحة داتو سري الدكتور
الحاج عبد الرحمن عثمان



Dato' Lela Perkasa
Mahamud Abdul
داتو محمود عبدال



Datin Zaharah Md. Hashim
داتين زهرة محمد هاشم



Dato' Haji Ismail bin Noor
داتو الحاج إسماعيل بن نور



Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Hamat
الأستاذ المشارك الدكتور محمد فوزي حماد



Tuan Hj Salehuddin Yaacob
الحاج صالح الدين يعقوب



Ustaz Abdullah Mat
الحاج عبدالله محمد